


**Jilid III
Bil. 3**



MALAYSIA

**Hari Jumaat
20hb April, 1973**

PENYATA RASMI
OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 275]

USUL:

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang
di-Pertuan Agong [Ruangan 311]**

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KETIGA

Hari Jumaat, 20hb April, 1973

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di Pertua, **TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.**
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).**
- Yang Berhormat Menteri Kewangan, **TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).**
- ” Menteri Perpaduan Negara, **TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).**
- ” Menteri Perhubungan, **TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).**
- ” Menteri Tak Berpotfolio, **TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).**
- ” Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, **TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Kelang).**
- ” Menteri Pertanian dan Perikanan, **TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M, P.N.B.S. (Kuala Kangsar).**
- ” Menteri Kerja Raya dan Tenaga, **DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).**
- ” Menteri Kesihatan, **TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).**
- ” Menteri Pelajaran, **DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timor).**
- ” Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, **DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).**
- ” Menteri Perusahaan Utama, **DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).**
- ” Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TUAN ALI BIN HAJI AHMAD, S.M.J. (Pontian Selatan).**
- ” Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, **DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).**
- ” Timbalan Menteri Perhubungan, **TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).**

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSA HITAM (Segamat Utara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DATUK WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT, K.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N. P.M.P. (Krian Darat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pertanian dan Perikanan, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- „ TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N. S.P.M.K., S.J.M.K., (Ulu Kelantan).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M. A.M.N., J.P. (Sungei Patani).
- „ DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).

- Yang Berhormat TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- ” TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- ” DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).
- ” TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- ” TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- ” TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- ” TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- ” TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).
- ” TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- ” DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- ” TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- ” TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- ” TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- ” TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- ” TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- ” TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- ” TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- ” DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S., O.B.E. (Bandar Sibul).
- ” TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- ” TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- ” TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- ” TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- ” DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- ” TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- ” TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- ” TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- ” DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- ” TUAN LUHAT WAN (Baram).
- ” TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- ” TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- ” DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- ” TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- ” TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- ” TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- ” TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).

Yang Berhormat TAN SRI HAJI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
 „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
 „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
 „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
 „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
 „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
 „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
 „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
 „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
 „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
 „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
 „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
 „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
 „ DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
 „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
 „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
 „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
 „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
 „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.D.K. (Kuala Kedah).
 „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
 „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
 „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
 „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
 „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
 „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
 „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
 „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
 „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
 „ DATUK TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).
 „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
 „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
 „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
 „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
 „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
 „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
 „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
 „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
 „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
 „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIADA HADIR:

- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).
- Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK
BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
- ” Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR
BIN BABA (Melaka Utara).
- ” Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK
HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- ” Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK HAJI HAMZAH BIN
DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- ” Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan, TAN SRI
MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- ” Menteri Kebajikan Am, PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI,
J.M.N. (Dilantik).
- ” DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., S.M.K. J.M.N.,
J.M.K. (Tumpat).
- ” Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN,
P.P.T. (Rawang).
- ” DATUK HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- ” TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- ” PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- ” CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- ” TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- ” DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- ” TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- ” TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- ” DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N.
(Trengganu Tengah).
- ” TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- ” TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O.,
O.B.E. (Marudu).
- ” DATUK SRI S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P.
(Menglembu).
- ” DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- ” TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- ” DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- ” TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).

YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K.
(Dilantik).
- ” Menteri Tugas-tugas Khas, DR LIM KENG YAIK (Dilantik).

DOA

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

ASKAR-ASKAR AUSTRALIA DI MALAYSIA

1. **Tuan Hor Cheok Foon** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Timbalan Perdana Menteri menyatakan samada semasa rundingan beliau dengan Menteri-menteri Kerajaan Australia dalam lawatan beliau ke Australia apa-apa cadangan atau persetujuan tarikh telah ditetapkan untuk menarik balik semua sekali askar-askar Australia.

Timbalan Perdana Menteri (Tun Dr. Ismail Al-Haj): Tuan Yang di Pertua, bila masa saya bertemu dengan Menteri-menteri Kerajaan Australia, saya tiada membuat cadangan dan mereka pun tidak mendatangkan cadangan, dan oleh sebab tidak ada cadangan tidak adalah persetujuan atas perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Mustapha bin Hussain: Tuan Yang di Pertua, bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri beritahu adakah perkara penarikan balik tentera-tentera Australia dibincangkan di Persidangan Menteri-menteri Luar ASEAN di Pattaya baharu-baharu ini, dan jika ia, apakah reaksi Kerajaan atau Menteri Luar Negeri Singapura?

Tun Dr Ismail Al-Haj: Saya ditanya atas lawatan saya ke Australia. Soal Ahli Yang Berhormat itu soalan lain—Pattaya jauh daripada Australia.

PASUKAN POLIS MENCEGAH MAKSIAT

2. **Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Kerajaan bercadang hendak menubuhkan suatu Pasukan Polis Mencegah Maksiat di negara ini untuk mengawal dan mencegah kegiatan-kegiatan sumbang di khalayak ramai di taman-taman bunga dan di tempat-tempat peranginan di tepi laut oleh mereka yang tidak bermoral; jika tidak,

nyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil dan akan diambil bagi mengatasi masaalah ini.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di Pertua, saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa Polis di-Raja Malaysia sudahpun mempunyai satu bahagian yang digelar Bahagian Pencegah Maksiat yang bertanggungjawab mencegah kejadian-kejadian maksiat. Dengan demikian soal menubuhkan satu pasukan Polis mencegah maksiat tidaklah timbul lagi. Jika Ahli Yang Berhormat itu memaksudkan perkataan sumbang itu adalah sama maknanya dengan perkataan maksiat, maka langkah-langkah untuk mencegah kegiatan-kegiatan maksiat itu sudahpun sedang dan akan terus diambil mengikut kuasa-kuasa di bawah undang-undang seperti berikut:

- (a) Kanun Keseksaan Bab 45;
- (b) Undang-undang Kesalahan Kecil, 1955;
- (c) Akta Perlindungan Wanita & Gadis, 1972.

Mengikut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka bahawa perkataan sumbang adalah ditafsirkan "sumbang—tidak mematohi adat (kebiasaan, kesopanan dll); melanggar adat; tidak sopan". Apa yang dianggap sumbang oleh orang-orang.

Melayu mungkin tidak dianggap sumbang oleh orang-orang bukan Melayu. Jika tafsiran Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka diterima, maka kelakuan sumbang tidaklah melanggar sebarang undang-undang negeri. Kelakuan sumbang ini mungkin melanggar adat resam orang-orang Melayu dan hukum syarat sahaja. Oleh yang demikian terserahlah kepada Jabatan-jabatan Ugama Islam khususnya dan masyarakat Melayu amnya untuk mengawal kelakuan sumbang itu yang dimaksudkan itu.

Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan tidakkah Kerajaan sedar bahawa dengan wujudnya akhlak yang serupa itu yang dianggap oleh adat resam Melayu sumbang akan mempengaruhi masyarakat Melayu dan Islam di negara kita ini?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, pihak Polis menjalankan kerjanya mengikut undang-undang negeri yang ada.

Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Tidakkah Kerajaan sedar bahawa dengan beberapa tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan, tetapi di hotel-hotel, di rumah-rumah urut, di taman bunga masih banyak berlaku lagi jika sedar bagaimana perkara seperti itu boleh berlaku juga?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, soal maksiat itu begitu juga soal pelanggaran undang-undang yang lain memang payah hendak dihapuskan sama sekali, namun demikian pihak Polis telah menjalankan tindakan-tindakan dengan seberapa kuat yang boleh, tetapi memandangkan kejadian manusia dengan begitu rupa dan manusia itu ramai dan tidak dapat tiap-tiap seorang manusia di dalam negara ini dikawal oleh seorang Polis, maka sebab itulah kita dapati di belakang pihak Polis berlaku juga. Walaupun demikian pihak Polis mengambil tindakan dengan secergas-cergasnya.

FILEM-FILEM "X"—PENGHARAMAN

3. **Tuan Hor Cheok Foon** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan filem-filem "X" yang diluluskan oleh Lembaga Penapis Filem dan samada Kementerian beliau bercadang hendak mengharamkan penayangan filem-filem tersebut di negara ini, dan jika tidak, mengapa.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, bilangan filem-filem "X" yang telah diluluskan dalam tempoh 1hb Mac, 1972 hingga 31hb Mac, 1973 adalah 87 buah yang terdiri daripada filem-filem berikut:

(a) Inggeris	65	buah
(b) Jepun	14	buah
(c) Cina	8	buah
			Jumlah	87	

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Dewan ini telah melantik Jawatankuasa Pilihan Khas Untuk Mengkaji Filem-filem Controversial yang termasuk filem-filem filem "sex". Jawatankuasa Khas tersebut telah pun membentangkan laporan semmentaranya kepada Dewan ini dalam penggal yang lepas. Untuk membolehkan Jawatankuasa itu menyediakan dengan lengkapnya, laporan tersebut maka Dewan yang bersidang pada

penggal ini akan diminta melantik semula Jawatankuasa itu serta membentangkan laporannya kepada Dewan dalam persidangannya yang akan datang. Keputusan mengharamkan atau tidak penayangan filem-filem controversial yang termasuk filem-filem "sex" akan dibuat setelah Dewan ini membuat keputusannya atas laporan itu kelak.

IMPLIKASI EKONOMI TERHADAP MALAYSIA

4. **Dr Chen Man Hin** minta Menteri Kewangan menyatakan penilaian tentang implikasi ekonomi terhadap Malaysia dengan turunnya nilai ringgit Amerika (USA) dan naiknya nilai *yen* Jepun dan *mark* Jerman.

Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin): Tuan Yang di Pertua, kesan-kesan penurunan nilai *ringgit* Amerika Syarikat baharu-baharu ini dan kenaikan nilai *yen* dan *deutsche mark* yang terapung (floating) dijangka tidak begitu penting kepada Malaysia. Ekspot Malaysia kepada Amerika Syarikat, Jepun dan Republik Persekutuan Jerman kebanyakannya terdiri dari bahan-bahan mentah asas, yang mana permintaan (demand) tidak bergantung kepada harga. Ini dibukti oleh hakikat bahawa harga-harga barangan utama kita sebenarnya naik dalam beberapa bulan ini, dan mengenai getah, kenaikan ini adalah tinggi, sungguhpun pada hakikatnya nilai *ringgit* Malaysia sebenarnya telah naik berbanding dengan *ringgit* Amerika Syarikat.

Mengenai impot, langkah mengekalkan pariti emas *ringgit* Malaysia semasa penyalarsan matawang utama, harus mengurangkan akibat buruk infelasi yang diimpot ke atas harga barang-barang dalam negeri. Dari segi kewangan, jika dihitug bersama pertukaran asing resmi (official foreign holdings) dan tanggungan asing (foreign liabilities) Malaysia telah untung agak besar akibat penyalarsan matawang-matawang itu.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua, berkenaan dengan ekonomik implikasi itu bolehkah Menteri Kewangan memberitahu Dewan ini adakah *duit* Malaysia naik atau tidak?

Tun Tan Siew Sin: (Dengan izin) I have already replied to that question in my answer.

INFLASI DALAM NEGERI

5. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) samada beliau sedari keadaan inflasi dalam negeri;
- (b) sebab-sebab inflasi ini; dan
- (c) langkah-langkah untuk mengawal dan mencegah inflasi.

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di Pertua,

- (a) Kerajaan sedar bahawa adanya tanda-tanda inflasi dalam ekonomi, tetapi adalah keterlaluan jika dikatakan keadaan telah sampai ke peringkat merbahaya. Sebenarnya, adalah satu kenyataan yang tidak dapat dinafikan bahawa dalam hal inflasi ini, kita telah muncul lebih baik daripada negara lain di dunia, termasuk negara-negara yang paling maju, dan sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah sana berasa tidak puashati dengan keadaan ini, saya berani menyatakan bahawa mereka tiada tempat lain lagi dalam dunia ini yang mereka dapat pergi.
- (b) Kenaikan harga-harga dalam 1972 adalah disebabkan oleh beberapa faktor, yang penting sekali ialah inflasi dunia yang berluasan dan kenaikan nilai matawang berikutnya. Ini ditambah pula dengan naiknya harga-harga beras dan gula yang diimpot akibat kekurangan sementara (temporary shortage). Oleh kerana kenaikan harga barang-barang impot ini berbetulan dengan kenaikan cukai tidak langsung (indirect taxes), setengah-setengah peniaga telah mengambil kesempatan meninggikan harga-harga jualan mereka.
- (c) Keputusan Kerajaan menetapkan pariti emas wang Malaysia semasa penyelesaian kadar-kadar matawang dunia utama baharu-baharu ini adalah satu daripada langkah-langkah penting yang diambil untuk menghadkan kenaikan harga-harga pengguna (consumer prices). Langkah-langkah lain secara langsung telahpun diambil termasuk mewajibkan penandaan harga barang-barang pengguna dan satu sistem penetapan harga untuk keperluan-keperluan asas yang dipilih. Syarikat-syarikat yang bertaraf perintis dikehendaki mem-

perolehi kebenaran Kerajaan sebelum mereka menaikkan harga keuaran-keuaran perusahaan mereka.

Tambah lagi Kerajaan sedang mengkaji samada sesuai untuk melegakan qota impot dan mengurangkan cukai bagi setengah-tengah barangan di mana harga-harganya dinaikkan tanpa sebab-sebab yang baik.

Kerajaan akan terus memperhatikan dengan teliti keadaan harga dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya dari masa ke masa.

Dr Chen Man Hin: Soalan tambahan. Saya mengakui wang kita sangat stable, tetapi adakah Menteri yang berkenaan tahu sebab barang-barang consumer sudah naik dengan banyak seperti beras dan kain sungguhpun satu ringgit didapati oleh seorang pekerja, tetapi satu ringgit tidak boleh membeli banyak barang kalau dibandingkan pada satu tahun yang lepas, seperti kain baju sudah naik 50%. Kalau begini boleh dikatakan harga wang kita sudah turun 50%. Saya minta apa pandangan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan kita dalam perkara ini.

Tun Tan Siew Sin: (*Dengan izin*) Tuan Yang di Pertua, I have tried to explain to Honourable Members opposite that most of our troubles are really due to imported inflation and even the Honourable Member opposite should appreciate that we cannot control imported inflation—even if he were in my place he cannot do it.

In regard to internal inflation, we are certainly doing our best. We are exploring further measures and these will be announced, if necessary, in due course. Even though the Government accepts that there has been a marginal increase in the rate of inflation since last year—even at last year's rate and the possible rate for this year—we are still better off than any other country in the world. This is literally true. We have performed better than even any developed country in the world and I do not think Honourable Members can expect us to do better than this.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Ada juga barang-barang yang sampai di negara kita ini daripada luar negeri barangkali yang harga itu kalau naik

kita faham, tetapi ikan bilis bukan kita import, ikan bilis keluaran di sini juga, tetapi dahulu harganya 60 sen sekarang \$1.40. Tidak ada control walaupun kita ada price tag dan macam-macam, tetapi Kerajaan tidak mengambil satu tindakan yang tegas iaitu kita boleh control inflation. Saya minta bolehkah Kerajaan periksa dan siasat perkara ini dan menjaga supaya rakyat kita tidak kena exploitation daripada orang yang berniaga dalam negara kita.

Tun Tan Siew Sin: That is a different matter, but I suggest that Honourable Members opposite can also play their part by asking people not to buy when prices are too high.

Tuan Ng Ho Hun: (*Dengan izin*) Tuan Yang di Pertua, in connection with the reply made by the Honourable Minister of Finance with regard to the inflation in our country, will he agree with me that the main cause of the inflation in our country now is due mainly to the Government printing too much Malaysian currency (*Ketawa*) and circulating it in the country. Will he agree with that remark of mine?

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di Pertua, I expect Honourable Members opposite to talk rubbish, but of all the rubbish I have heard I think that takes the prize. (*Ketawa*)

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di Pertua, the Honourable Minister of Finance has not answered my question. Does he agree or does he not agree?

Tuan Yang di Pertua: Please sit down. Not all questions must be answered. If a question is regarded as rubbish, it need not be answered.

Dr Chen Man Hin: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Tadi kita dengar Menteri Kewangan berkata inflasi ialah sebab import, adakah Kerajaan menyiasat di mana-mana negara kita boleh mendapat barang yang boleh dikatakan lebih murah sedikit?

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di Pertua, we do not need the advice of the Honourable Member in that respect. We have been doing that all these years.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di Pertua.

Tuan Yang di Pertua: Nanti! Apa negaranya itu?

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Kalau Kerajaan ada berbuat begitu bolehkah beritahu negara mana yang boleh mendapat kain atau barang-barang lebih murah?

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di Pertua, I hope the Honourable Member does not expect me to give such a reply in the course of answering supplementary questions for one very simple reason, and that is, that certain goods are cheaper in certain countries. These are hundreds of goods involved and there are more than a hundred countries involved and it is obviously not possible for me without notice to answer such a question.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana kedudukan harga barang-barang di negeri kita banyak yang telah naik bolehkah Yang Berhormat Menteri Kewangan dapat menimbangkan bahawa barang-barang yang menjadi keperluan kepada orang-orang miskin dikaji dengan sehalusnya seperti kain-kain yang murah dengan Kerajaan sendiri memberi sedikit bantuan subsidi kepada barang-barang itu supaya rakyat yang miskin dapat membelinya dengan tidak terlampau berat sebagaimana yang ada pada hari ini.

Tun Tan Siew Sin: The price of rice has been subsidised and there is even a certain amount of subsidy in the price of sugar, but obviously there is a limit to which we can go. If we have to subsidise every article consumed in this country, I think this Government will go bankrupt in no time at all. Perhaps if Honourable Members opposite were to assume power, assuming that this tragedy could happen, then probably they could do what they say we should do now.

GAJI MINIMA PEKERJA

6. **Dr Chen Man Hin** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada pekerja-pekerja akan diberi jaminan mendapat gaji minima dan gaji tambahan tahunan memandangkan kepada naiknya sara hidup.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di Pertua, salah satu daripada tujuan Rancangan Malaysia Kedua ialah untuk meningkatkan taraf hidup semua warganegara di negeri ini. Walaubagaimanapun, memandangkan kepada keadaan pengangguran sekarang, adalah difikirkan lebih baik untuk menyelesaikan masalah ini dahulu daripada menekankan kepada gaji minima. Terdapat juga sebilangan besar rakyat di negeri ini yang bekerja sendiri dan yang bekerja di bawah berbagai-bagai kontrak perkhidmatan seperti penanam padi dan nelayan-nelayan.

Bagi pekerja-pekerja yang mempunyai pertubuhan, rundingan bersama adalah merupakan satu cara yang baik bagi pekerja-pekerja dan pengurusan untuk menyelesaikan sebarang masalah berkaitan dengan kadar gaji.

Bagi pekerja-pekerja yang tidak mempunyai pertubuhan, kadar gaji biasanya mengikut arah yang ditetapkan di dalam sektor-sektor pertubuhan. Kontrak perseorangan biasanya membenarkan bagi penyesuaian kadar gaji. Kadar gaji dan syarat-syarat pekerjaan berkanun adalah dipakai bagi pekerja-pekerja yang bekerja di kedai-kedai, panggung-panggung wayang, hotel dan restoran dan pekerja-pekerja Pelabuhan Pulau Pinang.

Dalam konteks perkembangan negara sekarang dan dasar ekonomi baru dalam mana membasmikan kemiskinan dan memperbanyakkan lagi pekerjaan sebagai objektif yang utama, Kerajaan tidak memikirkan bahawa satu gaji minima umum patut diadakan di negara ini sekarang.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Saya fikir Yang Berhormat Menteri lari daripada soalan asal. Yang pertama, adakah kita menerima satu prinsip mengadakan minimum wage, gaji yang tetap di negara kita. Berapa ribu orang kerja di luar bandar atau dalam bandar, itu perkara lain. Ini satu perkara yang mustahak, kerana di negara developing atau developed country ada satu ketetapan, satu konsep orang yang bekerja boleh dapat gaji sara hidup yang ditentukan supaya manusia boleh hidup dalam negara kita. Ini satu standard yang ILO telah tetapkan. Kami di sini hendak tahu dari Yang Berhormat Menteri

kenapa Kerajaan tidak mahu menerima cadangan itu—gaji tetap dalam negara kita.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di Pertua, baharu sahaja saya mengambil masa menerangkan sebab apa kita tidak boleh menerima cadangan itu. Dan saya sudah kata tadi Kerajaan tidak memikirkan bahawa satu gaji minima umum patut diadakan di negara ini sekarang dan saya telah beri sebab apa yang kita tidak boleh pada masa sekarang.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, unemployment adalah satu perkara yang lain sama sekali. Orang tidak ada kerja dalam Rancangan Lima Tahun Malaysia kita hendak cari kerja bagi semua rakyat di negara kita. Ini soal lain. Adakah Kerajaan Perikatan menerima gaji tetap dalam negara kita? Bila hendak ambil tindakan, bila mahu implimentasi itu perkara lain. Adakah Kerajaan menerima atau tidak?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di Pertua, Ahli Yang Berhormat tidak mahu mendengar jawapan saya. Apa lagi yang hendak saya jawab, saya tidak tahu. Saya kata Kerajaan pada masa sekarang tidak hendak menerima itu dan saya telah beri keterangan sebab apa yang kita tidak boleh, bukan sahaja semua orang ada kerja, ada nelayan, ada orang menanam padi dan macam-macam dan pengangguran. Bagi kita peluag menyelesaikan soal pengangguran yang pertama dahulu, kemudian step by step kita cari jalan itu.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, kita percaya barangkali masa akan datang Kerajaan boleh menerima perkara ini.

Tan Sri V. Manickavasagam: Nanti masanya, Tuan Yang di Pertua. Kita minta parti sebelah pun menolong kita selesaikan pengangguran, tidak usah kacau di tempat-tempat, di kilang-kilang, jadi banyak lagi modal datang, banyak orang boleh dapat kerja. Kemudian kita boleh buat apa-apa yang kita mahu.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di Pertua, kalau saya tidak salah faham, Menteri berkenaan kata masa tidak cukup. Kalau hendak tunggu sampai pengangguran selesai kalau begini saya fikir kita kena tunggu 20 atau 30 tahun lagi.

Tuan Yang di Pertua: Apa soalnya?

Dr Chen Man Hin: Kalau saya kata tadi betul, kena tunggu lagi 20 tahun baharu boleh kita laksanakan minimum wage ini.

Tuan Yang di Pertua: I want a supplementary question, not any remarks.

Dr Chen Man Hin: Kena tunggu lagi 20 tahun baharu boleh dapat dilaksanakan minimum wage ini.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di Pertua, itu fikiran Ahli Yang Berhormat sahaja, tetapi saya kata bukan sahaja pengangguran. Itu satu sahaja daripada masalah yang ada pada masa sekarang, lain-lain sebabpun saya telah beri keterangan.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di Pertua, tadi Menteri yang berkenaan mengatakan masa ini kita hendak meninggikan taraf hidup rakyat. Dengan sebab itu, tidaklah Menteri yang bertanggungjawab memikirkan oleh kerana banyak sangat rakyat yang tidak mempunyai pekerjaan, jadi kaum-kaum pemodal mengambil kesempatan untuk mengexploitasi rakyat-rakyat yang tidak bekerja. Ada tak berfikir begitu?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di Pertua, saya pun sedar ada juga majikan-majikan yang mengambil peluang tetapi itulah tanggungjawab Ahli-ahli Yang Berhormat, kesatuan-kesatuan dan semua rakyat negara ini. Jadi kita, Kerajaan ada menolong kepada pekerja-pekerja menubuhkan kesatuan atau joint machinery, consultative committee untuk berbincang dan mendapat faedah dan gaji yang lebih dan lain-lain.

TABIB-TABIB CINA—IKTIRAF

7. Tuan Loh Jee Mee (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Kesihatan menyatakan samada Kementerian beliau akan mempunyai sebarang rancangan untuk mengiktirafkan tabib-tabib Cina yang berkelulusan memandangkan tabib-tabib tersebut diakui oleh pakar-pakar yang terkemuka dari Barat, dan jika ya, berikan butir-butir mengenai perkara tersebut, dan jika tidak, mengapa.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di Pertua, soalan daripada Yang Berhormat Ahli dari Bandar Melaka adalah

sama dengan soalan yang dibangkitkan olehnya dalam Dewan ini pada 9-12-71 dan jawapannya juga telah diberi. Jawapannya adalah masih sama lagi. Saya tidak mengetahui adanya apa-apa lapuran yang sah yang memperakui kejayaan sebagaimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

LETRIK—MENURUNKAN KADAR BAYARAN

8. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan apa tindakan Kementerian beliau akan ambil untuk menurunkan kadar bayaran kuasa letrik yang tinggi seperti yang ada sekarang ini di Sarawak.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Persyarikatan Pembekalan Letrik Sarawak adalah sebuah badan yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Saya telah difahamkan bahawa soalan seperti ini telah juga dikemukakan dalam Mesyuarat Council Negri Sarawak baru-baru ini. Walaubagaimanapun, Kementerian saya akan menyampaikan lagi kemusykilan Ahli Yang Berhormat ini kepada kerajaan Negeri Sarawak untuk timbangan.

PINJAMAN KEPADA ORANG DAYAK/ BUMIPUTRA

9. Tuan Awang Bungsu bin Abdullah (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan samada Kerajaan akan menimbang menubuhkan sebuah perwakilan untuk menyediakan pinjaman-pinjaman kepada orang-orang Dayak dan lain-lain bumiputra untuk membina rumah panjang mereka di Sarawak.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di Pertua, tidak perlu ditubuhkan satu perwakilan untuk tujuan ini. Jika orang-orang Dayak dan lain-lain bumiputra hendak meminta pinjaman, mereka bolehlah membuat permohonan kepada Kerajaan Negeri.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di Pertua, dapatkah Menteri yang berkenaan memberi jaminan dalam Dewan ini jika dari mana-mana tempat bumiputra yang diam di luar bandar itu membuat permohonan kepada Jabatannya, adakah beliau sedia mempertimbangkan permohonan ini?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di Pertua, perkara itu saya boleh sampaikan kepada rakan saya Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

KAPALTERBANG—BERLAKUNYA KEMALANGAN

10. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Pertahanan menyatakan sebab berlakunya kemalangan kapalterbang semasa perayaan tentera yang mengakibatkan kematian beberapa orang kampung. Nyatakan apakah langkah-langkah yang diambil supaya kemalangan seperti itu tidak akan berlaku lagi.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan (Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di Pertua, izinkan saya menerangkan dahulu iaitu di dalam pertanyaan No. 10, dikatakan dalam Bahasa Inggeris "at Butterworth" itu tersalah. Saya rasa Ahli Yang Berhormat tidak bertanya di Butterworth, bukan di Butterworth yang berlaku. Dan saya suka menjawab, kajian atas sebab-sebab berlakunya kemalangan tersebut masih di peringkat siasatan seperti saya telah jawab dua hari yang lalu. Oleh hal yang demikian Kementerian Pertahanan tidak dapat memberi sebab-sebab berlakunya kemalangan tersebut. Langkah-langkah yang perlu diambil untuk menentukan bahawa kejadian seumpama itu tidak akan berlaku di masa hadapan akan ditetapkan setelah hasil penyiasatan yang sedang dijalankan sekarang diketahui. Buat sementara ini pihak Tentera Udara Diraja Malaysia telahpun diarah supaya jangan mengadakan penerbangan per-tunjukan seumpama itu.

BEKAS PERAJURIT—MENDAPATKAN TANAH

11. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah rancangan yang dibuat untuk membolehkan bekas-bekas perajurit mendapat tanah.

Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, Bahagian Hal Ehwal Bekas-bekas Perajurit Kementerian Pertahanan sedang membantu bekas-bekas Perajurit yang ingin menyertai dalam rancangan tanah FELDA untuk mendapat tempat dalam rancangan-rancangan tersebut. 20% dari tempat-tempat di rancangan-rancangan

FELDA dan rancangan-rancangan lain yang sama yang dikelolakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri telahpun dikhaskan bagi bekas-bekas perajurit. Walaubagaimanapun quota tersebut hingga pada masa ini masih belum dapat dipenuhi.

Kementerian Pertahanan bersama-sama dengan pihak FELDA telah membuka satu rancangan tanah seluas 4,000 ekar khas bagi bekas-bekas perajurit di kawasan Sungai Koyan, Pahang. Rancangan ini apabila dibuka nanti pada pertengahan tahun 1974 akan dapat memberi peluang kepada 240 orang bekas-bekas perajurit menyertai dalam rancangan tersebut.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan sedar, bahawa banyak daripada bekas-bekas perajurit tidak begitu gemar untuk memasuki di dalam rancangan-rancangan tanah seperti FELDA sebab itu quota yang diperuntukkan pada mereka tidak dipenuhi, adakah Menteri dapat menimbangkan satu cara yang lain untuk diberi tanah kepada bekas-bekas perajurit ini sebagaimana yang dibuat oleh pihak syarikat-syarikat pekebun kecil yang memberikan tanah kepada ahli-ahlinya yang mempunyai 6 ekar ke bawah.

Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, pihak Kementerian Pertahanan sedar akan kedudukan pada masa yang lampau sebab-sebabnya 20% quota itu tidak dipenuhi oleh sebab pada fikiran pihak Kementerian Pertahanan bahawa bekas-bekas perajurit ini seperti pepatah orang putih: "Birds of the same feather flock together", jadi dia tidak suka bercampur-campur. Dengan sebab itulah seperti yang telah dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi kita telah mengadakan satu Bahagian Khas untuk Bekas-bekas Perajurit seperti yang saya telah jawab tadi di kawasan Sungai Koyan, Pahang. Buat masa sekarang ini, saya suka mengatakan kepada Dewan ini response daripada bekas-bekas perajurit yang akan bersara sangatlah memuaskan hati kerana khususnya 4,000 ekar ini adalah diperuntukkan khas kepada bekas-bekas perajurit yang akan bersara.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Saya hendak tahu, samada bersetuju atau tidak

iaitu 20% tanah FELDA yang diperuntukkan kepada bekas-bekas perajurit itu 20% misalnya 1,000 ekar maka dianggarkan 200 ekar untuk perajurit jadi "birds of the same feather flock together" mempunyai 200 ekar untuk mereka sahaja. Adakah cadangan begini diambil oleh pihak Kementerian Pertahanan?

Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, saya suka menjelaskan daripada masa yang lampau bahawa cara memberi 20% tidaklah bermakna 200 ekar khas untuk bekas-bekas perajurit tetapi bersama-sama dengan peneroka-peneroka yang lain dan bukanlah bermakna 200 ekar itu kerat suku atau 20% terus kepada bekas-bekas perajurit pada masa yang lampau, tetapi dengan cara cadangan yang hendak dibuatkan di Sungai Koyan itu adalah khas 4,000 setempat bagi mereka di Sungai Koyan.

TANDA HARGA BARANG KEPERLUAN

12. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa tanda harga telah gagal menahan harga barang-barang keperluan dari dinaikkan dan oleh yang demikian adakah beliau akan mengenakan kawalan harga atas semua barang-barang keperluan supaya dapat mengawal kenaikan belanja sara hidup;
- (b) samada beliau sedar bahawa kenaikan harga semua jenis beras sebanyak 10% baru-baru ini telah menyebabkan kesusahan kepada kebanyakan rakyat Malaysia yang miskin dan apa tindakan telah diambil oleh Kementerian untuk menahan penjual-penjual beras dari menaikkan harga beras; dan
- (c) samada Kementerian beliau akan mengenakan kawalan mutu atas semua barang-barang buatan tempatan yang dijual dalam negeri ini oleh kerana kebanyakan barang-barang buatan tempatan sekarang ini sangat rendah mutunya.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Musa Hitam): Tuan Yang di Pertua,

- (a) Pihak Kementerian saya sedar bahawa beberapa masalah sedang dihadapi

oleh kedua-dua pihak penjual dan pengguna di dalam pelaksanaan tanda harga ini. Walaubagaimanapun, saya suka menyatakan bahawa tanda harga adalah berlainan daripada kawalan harga. Tanda harga adalah satu cara untuk menjamin amalan-amalan perniagaan yang sihat oleh peniaga-peniaga dan ia adalah jua satu jalan untuk menghapuskan kebiasaan tawar-menawar.

Kawalan harga, sebaliknya, adalah satu dasar yang melibatkan penetapan harga barang-barang oleh Kerajaan. Ini akan melibatkan Kerajaan mengambil alih pembahagian barang-barang dan perkhidmatan, yang mana boleh mengakibatkan berlakunya pengamalan-pengamalan perdagangan yang buruk seperti "pasar gelap" dan catuan. Langkah sedemikian, adalah tidak sesuai bagi ekonomi pada amnya. Oleh yang demikian, kawalan harga adalah tidak diprakarakan buat sementara waktu.

- (b) Kerajaan sedar tentang kenaikan harga beras yang dikatakan 10% itu. Satu daripada sebab-sebab kenaikan harga beras ini ialah kenaikan harga beras di pasaran dunia sebanyak di antara 75% hingga 100% jika dibandingkan dengan harganya enam bulan yang lampau.

Bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak yang mengimpot kira-kira separuh daripada beras keperluan mereka, kenaikan harga beras di pasaran dunia ini telah menyebabkan kenaikan harga beras runcit. Bagi Semenanjung Malaysia yang mengimpot kira-kira 10% daripada beras keperluannya, kenaikan harga beras di pasaran dunia dan kenaikan harga tambang kenderaan adalah di antara perkara yang menyebabkan kenaikan harga beras pada keseluruhannya.

Kerajaan menerusi Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) sentiasalah waspada dan mengambil tindakan atas peniaga-peniaga yang mengambil untung berlebihan (profiteering).

- (c) Tiap-tiap projek perusahaan yang telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian

untuk ditubuhkan di negeri ini adalah dikenakan syarat yang tertentu mengenai mutu keluaran mereka.

Mengenai kenyataan Ahli Yang Berhormat tentang rendah mutu barang-barang buatan tempatan, saya tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pengguna-pengguna di negara kita ini memang memandang berat tentang mutu barang-barang mereka beli.

Dr Chen Man Hin: Adakah Kerajaan menubuhkan satu stockpile beras untuk mengawal harga beras?

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, ada.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian sedar, bahawa jaminan-jaminan yang diberi oleh pihak Lembaga Padi dan Beras tentang harga beras ini tidak begitu tepat kadang-kadang pihak LPN mengatakan beras tidak akan naik, tetapi jualannya naik. Demikian juga pihak penguat kuasa dalam bahagian perdagangan, mengatakan: Awas rakyat! Bahawa beras tidak akan naik, tetapi didapati beras naik sehingga sampai 25%-30% dan kadang-kadang 50%; saya ada sedikit angka iaitu misalnya plywood yang dahulu \$4 sekarang sehingga sampai \$9 paku yang dahulu 50 sen sekarang sampai 80 sen. Demikian juga senarai-senarai yang ada sedikit pada saya yang begitu tinggi, apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar dan apakah jaminan atau hanya hendak buat sedap sahaja, atau memang jaminan yang sungguh.

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, di dalam soal kenaikan harga-harga ini, saya suka menegaskan bahawa sesiapa pun tidak boleh memberi jaminan bahawa harga barang-barang itu tidak naik pada masa-masa yang akan datang, apa yang boleh dibuat ialah anggaran bahawa dari satu masa kepada satu masa yang tertentu sahaja harga barang-barang itu ditentukan tidak akan naik dan itu pun cuma berhubung dengan barang-barang yang telah diwartakan seperti saya sebutkan semalam iaitu lebih kurang 10 barang-barang yang tertentu. Di dalam soal

kenaikan harga termasuklah paku dan sebagainya yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak payahlah saya jawab, oleh sebab Yang Berhormat Menteri Kewangan tadi pun sudah menyebut dengan panjang lebar apakah sebab-sebab kejadian sedemikian.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Di Tanjung Karang, di Kuala Selangor ada setor beras iaitu dipunyai oleh Lembaga Padi dan Beras Negara. Di sana harga beras serupa, tidak naik, tetapi apabila sampai ke pekan telah naik, melambung. Jadi, itu sebabnya saya hendak bertanya di sana tidak naik, orang Melayu menanam padi tidak naik, tiba-tiba beras naik, saya jadi bodoh. Apakah sebabnya kenaikan itu?

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, oleh sebab soalan ini berkenaan dengan tempatan, saya berharap kepada Ahli Yang Berhormat kalau terjadi perkara yang sebegini pada masa akan datang, tolonglah lapurkan kepada Pengerusi, LPN yang telah dilantik oleh Kerajaan untuk menjaga soal ini.

Tan Sri Syed Nasir bin Ismail: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian sedar bahawa tidak naiknya harga beras di Tanjung Karang itu menjadi bukti bahawa di kawasan jelapang padi beras tidak naik, tetapi beras-beras yang di luar jelapang padi, dengan sebab kenaikan transport, kenaikan harga kenderaan dan lain-lainnya seperti jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, telah menyebabkan naiknya lebih sedikit daripada tempat kawasan jelapang padi. Adakah Timbalan Menteri sedar?

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, oleh sebab Ahli Yang Berhormat yang bertanya itu telah diberi kepercayaan penuh oleh Kerajaan untuk menjaga hal ehwal padi, kalau kata beliau betul, saya percaya itulah dia. *(Ketawa)*

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa ada sebuah kawasan jelapang padi di negeri kita ini iaitu di

negeri Kelantan, sepatutnya beras tidak naik harga, tetapi di sana naik juga harga di saat-saat yang akhir ini?

Tuan Yang di Pertua: Apakah soalnya, saya pun tidak berapa faham?

Tuan Musa Hitam: Saya faham, Tuan Yang di Pertua. (*Ketawa*)

Tuan Yang di Pertua: Kalau Menteri faham boleh jawab (*Ketawa*)

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, soalan ini telahpun dijawab di dalam jawapan saya tadi. Kita sedar bahawa harga beras sudah pun naik baharu-baharu ini.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah benar satu punca telah mengatakan bahawa beras negara dalam simpanan kita sekarang telah berkurangan atau telah kosong dengan sebab beras ini kita menghadiahkan kepada negara jiran kita?

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, saya tidak dengar punca mana yang menyebutkan itu.

Tan Sri Syed Nasir bin Ismail: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Dapatkah Timbalan Menteri ini mengesahkan bahawa kenyataan yang dikemukakan oleh Ahli dari Muar Utara ini tidak benar, kerana stockpile atau beras simpanan Kerajaan pada hari ini tidak seperti katanya, dan walaupun sudah diberikan bantuan kepada sebuah negara jiran, ini tidak mengurangkan simpanan beras Kerajaan kerana LPN telah mengimpot beras ini, telah menambahkan simpanannya semenjak akhir tahun yang lepas lagi?

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, benar. (*Ketawa*)

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Tadi Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian telah menjawab iaitu katanya beras di Tanjung Karang tidak naik, tetapi di Kuala Lumpur, di tempat lain naik harga beras oleh kerana transport. Jadi adakah pada masa dahulu transport ini kurang ongkosnya, belanjanya ke Kuala Lumpur, sekarang sudah naik tambangnya melambung. Adakah disebabkan itu? Kalau hendak bubuh

beban dari satu Kementerian kepada Kementerian-kementerian yang lain macamlah ada cerita Burung Bangau, Tuan Yang di Pertua:

Oh bangau, Oh bangau, fasal apa engkau termenung?

Macam mana aku tidak termenung, ikan tidak timbul;

Apa fasal ikan tidak timbul; rumput panjang.

Apa fasal rumput panjang; kerbau tidak makan aku.

Jadi, tidak habis-habis terus ada-ada sahaja, maka tidak dapat kesimpulan yang benar. Saya hendak kesimpulan yang sebenarnya, adakah kerana transport sahaja ataupun ada lain-lain perkara pukul-memukul di atas kenaikan harga beras ini?

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, asas soalan ini ialah daripada apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat yang lain. Soalan ini tidak harus saya menjawab.

Tuan Ahmad bin Haji Ithnin: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Saya ingin mendapat tahu daripada Kementerian yang berkenaan iaitu Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian—tadi beliau telah menyatakan iaitu berhubung dengan kenaikan harga beras pihak LPN tidak naik, tetapi bila sudah dijual keluar, naik kerana dengan keadaan transport dan sebagainya. Tetapi rasa saya kita bagi pihak orang-orang luar bandar, ada juga di kawasan saya di sana, harga beras bukan kata sedikit naiknya, banyak naik daripada yang ditandakan, umpamanya 33 sen sampai naik 42 sen ataupun 39 sen, dijual oleh kedai-kedai runcit. Apakah tindakan, jika sekiranya kalau Kementerian ini telah menetapkan harga pasaran beras yang tertentu dalam Malaysia? Apakah tindakan yang Kementerian yang berkenaan telah buat dan akan buat dan kalau sudah dibuat berapa ramai yang telah ditangkap oleh pihak Kerajaan ini, kerana perkara-perkara ini adalah jeritan daripada rakyat, ertinya perkara yang tidak menasabah?

Tuan Yang di Pertua: Saya suka bertanya Ahli Yang Berhormat itu marahkah. (*Ketawa*)

Tuan Ahmad bin Haji Ithnin: Saya tidak marah, tetapi saya minta apakah tindakan Kementerian dengan tegas telah dibuat dan akan dibuat dalam masalah-masalah kenaikan harga beras ini?

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, dari segi tindakan tidak dapatlah pihak LPN hendak mengambil apa-apa tindakan kalau tidak ada lapuran. Jadi, sekali lagi saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat janganlah menunggu mesyuarat Persidangan Parlimen baharu beritahu. Kalau diberitahu lekas baharulah kita dapat menghantarkan pegawai-pegawai penguatkuasa untuk menyasat soal ini. Itu atas soalan yang pertama.

Yang kedua, berkenaan dengan berapa orang yang sudah ditangkap dan sebagainya, ini saya berkehendakkan notis.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Bolehkah saya mendapat suatu penjelasan yang agak tepat daripada Timbalan Menteri yang berkenaan iaitu adakah benar berita-berita yang mengatakan salah satu daripada sebab-sebab naiknya harga beras di saat-saat yang akhir ini ialah kerana pihak LPN gagal untuk membawa masuk beras dari luar negeri sekarang ini?

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, tidak benar.

Tan Sri Syed Nasir bin Ismail: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar dan boleh memberitahu Dewan ini bahawa kenaikan beras ini sebagaimana yang telah dijawab oleh Timbalan Menteri tadi menyenit antara 75% hingga 100%. Tetapi walaupun begitu dengan sebab tindakan-tindakan daripada LPN, dengan kerjasama Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bahawa kenaikan beras dapat dikawal sehingga begitu rendah dan harganya di Malaysia sekarang yang paling rendah di dalam dunia, termasuk harga beras di negeri Thai, di Singapura dan sebagainya, iaitu harga beras Malaysia yang paling murah sekali?

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, benar. *(Ketawa)*

Tuan Haji Awang Wal bin Awang Abu: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Menteri yang berkenaan sedar bahawa banyak pekedai-pekedai di luar bandar telah memohon meminta beras, misalnya permohonan itu sebanyak 20 guni, akan tetapi hanya diberi 10 guni atau 5 guni. Apa sebabnya?

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, saya berharap perkara ini akan dilaporkan kepada pihak LPN supaya tindakan tegas akan diambil, kalau benar.

SISTEM PENGANGKUTAN DI KUALA LUMPUR

13. Tuan Yeoh Teck Chye (*di bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Menteri Perhubungan samada kajian baru mengenai sistem pengangkutan di Kuala Lumpur yang akan dibuat oleh Wilbur Smith and Associates itu meliputi penempatan perhentian bas, keretapi bawah tanah tempat letak kereta di atas sungai-sungai dan lain-lain dan bilakah lapuran ini akan siap.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di Pertua, kajian lalulintas yang sedang dijalankan oleh Syarikat Perunding itu bukan sahaja di atas masalah-masalah yang dihadapi sekarang, iaitu kegunaan kenderaan persendirian di dalam bandar, perkhidmatan pengangkutan awam, kegunaan tempat-tempat letak kereta tetapi juga mengkaji dasar-dasar cukai, undang-undang ataupun larangan-larangan, tanda-tanda isyarat, kesulitan-kesulitan bagi orang-orang yang berjalan kaki dan lain-lain lagi yang berkenaan. Lapuran kajian tersebut akan diharapkan siap di dalam bulan November tahun ini.

SETINGGAN-SETINGGAN KAMPUNG BARU

14. Tuan Chan Fu King minta Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan samada beliau sedar tentang kesusahan setinggan-setinggan kampung-kampung baru dan apa rancangan beliau untuk memperbaiki kehidupan mereka.

Menteri Tugas-tugas Khas (Dr Lim Keng Yaik): Tuan Yang di Pertua, masalah setinggan samada di kampung-kampung baru atau di lain-lain kawasan adalah tanggungjawab Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan. Sungguhpun demikian saya telah memohon kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri supaya setinggan di kampung-kampung baru, di mana boleh, diberi milik tanah yang mereka duduki dan mempercepatkan kelulusan bagi lot-lot kosong yang dipohon.

LESEN MEMANDU—BAHARUI

15. Tuan Chan Fu King minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau akan mengemukakan satu Rang Undang-undang memberi kuasa kepada pejabat pos untuk membaharui Lesen Memandu bagi kemudahan pemandu-pemandu.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, oleh kerana banyak kesulitan-kesulitan mengenai urusan pejabat yang akan timbul berkaitan dengan "index", menyimpan rekod-rekod dan lain-lain lagi, Kementerian Perhubungan tidak bercadang hendak mengadakan undang-undang membolehkan Pejabat Pos membaharui lesen-lesen derebar. Kekeliruan juga mungkin akan timbul dalam usaha Kementerian ini melaksanakan undang-undang baru berkaitan dengan pengantungan, pembatalan dan menamatkan lesen-lesen pemandu kenderaan perdagangan. Untuk kemudahan pemandu-pemandu kereta lesen-lesen derebar boleh dibaharui melalui pos.

TENAGA BURUH—KAJIAN

16. Tuan Chan Fu King (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada Kementerian beliau sedang atau masih lagi menjalankan kajian-kajian contoh tenaga buruh yang lengkap, sebagaimana yang dicadangkan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa, sebagai suatu objektif yang penting bagi Tempuh Sepuluh Tahun Pembangunan Kedua Bangsa-bangsa Bersatu, dan jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di Pertua, kajian contoh tenaga buruh bagi mendapatkan data mengenai pekerjaan/pengangguran di Malaysia telahpun sentiasa dijalankan (dua kali setahun iaitu bulan April dan Oktober) oleh Jabatan Perangkaan semenjak bulan Oktober, 1971.

YURAN SEKOLAH DI SABAH—KURANGKAN

17. Tuan James Stephen Tibok bertanya kepada Menteri Pelajaran samada beliau akan mengurangkan yuran sekolah di Sabah bagi faedah keluarga-keluarga yang miskin.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran (Tuan Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di Pertua, sebagaimana Ahli Yang

Berhormat harus maklum mengikut perenggan IV Laporan "Inter-Governmental Committee, 1962, dasar pelajaran dan sistem pelajaran di Sabah adalah di bawah kawasan Kerajaan Negeri. Oleh yang demikian, saya berdukacita tidak dapat menjawab soalan ini.

RANCANGAN TAMIL DI TV

18. Dr S. Seevaratnam minta Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan menyatakan samada beliau akan menimbang menambahkan waktu bagi rancangan-rancangan Tamil melalui TV Malaysia; jika ya, berikan butir-butir lanjut, dan jika tidak, mengapa.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan (Tuan Shariff Ahmad): Tuan Yang di Pertua, soalan ini telah dikemukakan dalam Dewan ini sebanyak 2 kali, iaitu pada 19hb Mei, 1972 dan 11hb Ogos, 1972. Jadi tak payahlah saya menjawab lagi di waktu ini.

Tuan Yang di Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan jawapan-jawapan Lisan bagi Pertanyaan-pertanyaan No. 19 hingga 38 adalah diberi di bawah ini).

BUKU-BUKU TEKS PERCUMA

19. Dr S. Seevaratnam minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kementerian beliau akan menimbang memberi buku-buku teks percuma kepada anak-anak pekerja-pekerja ladang yang telah dibuang kerja; jika tidak, mengapa.

Menteri Pelajaran (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Jika Ahli Yang Berhormat dapat memberi butir-butir lanjut, saya akan menimbangkannya.

PERHENTIAN BAS JALAN MELAKA

20. Tuan Yeoh Teck Chye bertanya kepada Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan mengapa perlu dipindahkan perhentian bas dari Jalan Melaka ke Jalan Pekeliling dan samada beliau sedar bahawa pemindahan tersebut telah menyebabkan kesulitan kepada orang ramai dan samada beliau akan menimbang mendirikan satu perhentian bas di Gombak Lane.

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Ong Kee Hui): Saya rasa Ahli Yang Berhormat haruslah merujuk balik kepada jawapan yang telah saya berikan pada pertanyaan yang sama yang telah timbul di Dewan Rakyat pada 23-1-73. Dalam jawapan saya itu telah dinyatakan bahawa tapak di Jalan Melaka itu tidak lagi sesuai untuk digunakan sebagai perhentian bas kerana ianya terletak di tengah-tengah kawasan bandar di mana boleh menyebabkan berlakunya kesesakan lalu lintas dan menghalang perjalanan lalu lintas di kawasan itu. Kawasan itu adalah sempit dan tidak pula mempunyai tempat teduh untuk penumpang-penumpang, dan kawasan itu juga adalah rendah yang menyebabkan selalu terjadinya banjir. Pemandahan perhentian bas dari Jalan Melaka ke Jalan Pekeliling sememangnya tidak menyebabkan apa-apa kesusahan, malah boleh menambahkan pula kesenangan bagi mereka. Kawasan baru yang dicadangkan ini adalah lebih luas dan ada pula terdapat tempat berteduh. Perjalanan yang lebih elok adalah dirancang untuk kemudahan orang ramai dan tidak ada tambang yang berlebihan yang akan dikenakan sebagai hasil daripada pemindahan ini. Sejak perpindahan dilakukan kepada kawasan baru ini, Kementerian Perhubungan, Dewan Bandaraya dan Polis Lalulintas sentiasa sahaja mengkaji dari masa ke masa untuk membaiki perjalanan, perkhidmatan bas dan kemudahan di perhentian tersebut.

Saya juga suka memberitahu Ahli Yang Berhormat di atas perlantikan Wilbur Smith & Associates sebagai penasihat kepada Kementerian Perhubungan untuk menjalankan satu pengajian mengenai pengangkutan di kawasan bandar Kuala Lumpur yang mana akan menimbangkan bentuk-bentuk sistem pengangkutan dan juga untuk mendirikan perhentian-perhentian bas tambahan. Oleh itu persoalan untuk mengadakan perhentian bas di Gombak Lane itu tidak berbangkit.

TEMPAT LETAK KERETA

21. Tuan Yeoh Teck Chye bertanya kepada Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan samada beliau telah menyediakan tempat meletak kereta untuk lori-lori berlesen "A" di dalam Bandar Kuala Lumpur.

Datuk Ong Kee Hui: Dewan Bandaraya telah menyediakan 12 buah petak di tempat letak kereta Jalan Sultan Mohamad untuk berbagai-bagai jenis lori (kelas A, B atau C) dan 16 petak di Jalan Benteng di belakang Pasar Besar.

BARANG KEPERLUAN—KENAIKAN HARGA

22. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bila Kementerian akan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk menentukan supaya harga barang-barang keperluan seperti beras, gula, baja dan lain-lain di Sarawak tidak naik dengan mengejut dan menyusahkan rakyat di Sarawak.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tun Dr Ismail Al-Haj): Kementerian saya, semenjak beberapa tahun yang lalu, cuba dengan beberapa cara, mengelakkan kenaikan harga yang tidak berpatutan. Tetapi oleh kerana beberapa faktor yang tidak dapat dielakkan, seperti inflasi matawang dunia dan pertukaran musim yang menyebabkan bencana tanaman di beberapa negara yang berkenaan kenaikan harga terpaksa dihadapi. Keadaan ini bukan sahaja di negara kita, malahan jua di negara-negara lain di seluruh dunia.

Walaupun bagaimanapun, Kementerian saya telah berjaya setakat ini mengawal harga gula dan tepung daripada dinaikkan sungguhpun harga barang-barang ini di pasaran dunia telah naik.

Pada masa sekarang ada 3 Merinyu Penguatkuasa di Sarawak untuk menyelia kenaikan harga barang-barang dan mencegah perbuatan-perbuatan perniagaan-perniagaan haram.

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN 1972—KEPUTUSAN

23. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Pelajaran memberikan bilangan angka-angka pecahan dari keputusan Sijil Tinggi Persekolahan bagi tahun 1972 seperti berikut:

- (a) jumlah bilangan yang lulus; dan
- (b) jumlah bilangan yang gagal.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Angka-angka itu adalah seperti berikut:

	Bil. Mengambil S.T.P.	Bil. Mendapat Sijil Penuh	Bil. Mendapat Statement	Bil. Gagal
Sekolah-sekolah Bantuan Penuh	6,739	3,586 (53.2%)	3,067 (45.5%)	86 (1.3%)
Sekolah-sekolah Bersendirian ...	4,631	788 (17.0%)	3,551 (76.7%)	292 (6.3%)
Calun-calun Bersendirian ...	11,357	1,112 (10.0%)	9,176 (80.8%)	1,069 (8.4%)
Jumlah ...	22,727	5,486 (24.4%)	15,794 (69.5%)	1,447 (6.4%)

Saya akan mengemukakan butir-butir yang lebih lanjut lagi mengenai keputusan peperiksaan ini tidak lama lagi.

GAMBAR/POSKAD PEREMPUAN DAYAK

24. Tuan Edwin anak Tangkun minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Kerajaan akan mengharamkan penjualan gambar-gambar dan poskad-poskad yang memaparkan perempuan-perempuan Dayak tanpa baju kepada orang ramai di kedai-kedai di Malaysia sebab ini memberikan gambaran yang salah kepada orang-orang asing mengenai orang-orang perempuan kita.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Dr Ismail Al-Haj): Tindakan mengharamkan penjualan gambar-gambar dan poskad-poskad yang memaparkan perempuan-perempuan Dayak tanpa baju kepada orang ramai di kedai-kedai di Malaysia hanya boleh dibuat sekiranya Kementerian ini menerima satu permohonan yang tegas daripada Kerajaan Negeri Sarawak oleh kerana ini akan menyentoh adat-istiadat orang-orang Dayak.

KOLEJ ISLAM KLANG—HAMSAH BINTI SIARI

25. Raja Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Pelajaran menyatakan samada benar bahawa oleh kerana umur Cik Hamsah binti Siari lebih lima bulan, beliau tidak dibenar memasuki kelas Tingkatan IV di Kolej Islam Klang walaupun Pengetua Kolej Islam telah menghantarkan sepucuk surat tawaran No. 4-214 bertarikh 14-2-73 kepada beliau dengan memberikan angka gilirannya sebagai 05302528, dan jika ya, samada beliau akan memberi pertimbangan supaya Cik Hamsah berpeluang memasuki kolej tersebut tahun ini.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Kementerian Pelajaran telahpun memberi pertimbangan istimewa kepada permohonan Cik Hamsah binti Siari itu. Beliau telah diminta melapurkan diri untuk belajar pada 14hb Mac yang lepas.

MCE/SPM 1972—BILANGAN KEGAGALAN

26. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (i) bilangan calun-calun yang gagal dalam peperiksaan MCE/SPM dalam tahun 1972; dan

- (ii) bilangan calun-calun yang gagal mendapatkan sijil hanya kerana gagal dalam matapelajaran Bahasa Malaysia yang diwajibkan dengan memberikan angka-angka yang berasingan bagi (a) sekolah-sekolah menengah kebangsaan; dan (b) sekolah-sekolah menengah jenis kebangsaan.

Datuk Hussein bin Datuk Onn:

- (i) Bilangan calun yang gagal dalam peperiksaan SPM/MCE tahun 1972 adalah seperti berikut:

Peperiksaan	Bilangan yang mengambil	Bilangan gagal
M.C.E. ...	37,126	21,061
S.P.M. ...	16,809	7,573

- (ii) Bilangan calun yang gagal kerana gagal dalam Bahasa Malaysia adalah seperti berikut:

Peperiksaan	Bilangan yang mengambil	Bilangan yang gagal kerana gagal Bahasa Malaysia
M.C.E. ...	37,126	14,331
S.P.M. ...	16,809	165

PEMILIHAN JENIS SEKOLAH OLEH IBUBAPA

27. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) mengapa sebahagian besar ibubapa-ibubapa terutama sekali mereka yang tinggal di bandar-bandar lebih suka menghantar anak-anak mereka ke Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Inggeris); dan
- (b) samada beliau sedar bahawa beberapa buah sekolah rendah di Johor terpaksa ditutup kerana kekurangan murid-murid, dan jika ya, apakah ikhtiar Kerajaan untuk memastikan supaya perkara seperti ini tidak akan berlaku lagi.

Datuk Hussein bin Datuk Onn:

- (a) Perkara memilih sekolah terpujanglah kepada ibubapa kanak-kanak masing-masing. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum semua sekolah yang menerima bantuan penuh, samada Sekolah Kebangsaan ataupun Jenis Kebangsaan, adalah terbuka kepada semua kanak-kanak.
- (b) Ya, saya sedar. Sekolah-sekolah tersebut ditutup samada kerana kekurangan murid atau jumlah muridnya bertambah kecil. Di antara sebab-sebab mengapa perkara itu berlaku adalah seperti berikut:
 - (a) perpindahan penduduk-penduduk yang menyebabkan jumlah murid-murid di sekolah-sekolah tersebut berkurangan.
 - (b) keadaan bangunan setengah-setengah sekolah yang lama adalah tidak sesuai lagi untuk digunakan dan dengan yang demikian sekolah baru telah dibina sebagai gantinya.
 - (c) percantuman sekolah-sekolah kecil adalah selaras dengan dasar yang ada.

Dasar menutup sekolah-sekolah rendah yang tidak bermutu dan percantuman sekolah adalah sesuai dengan dasar Kerajaan untuk memperbaiki lagi taraf pelajaran dengan memberi kemudahan-kemudahan yang lebih baik dan sesuai.

BARANG BUATAN MALAYSIA

28. Raja Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bagaimanakah Kerajaan hendak mengawal harga barang-barang buatan Malaysia daripada melambung tinggi memandangkan bahawa harga barang-barang mentah bagi perusahaan-perusahaan di Malaysia telah naik sekurang-kurangnya 50% lebih tinggi daripada harga yang dikenakan di negara-negara yang membuatnya.

Tun Dr Ismail Al-Hajj: Kementerian Perdagangan dan Perindustrian adalah sentiasa mengawasi harga barang-barang tempatan terutama sekali barang-barang keperluan. Walaubagaimanapun saya suka menyatakan bahawa kenaikan barang-barang keluaran tempatan yang memerlukan barang-barang bahan yang diimport yang mana harganya telah naik mengikut harga di pasaran dunia adalah tidak dapat dielakkan. Hanya perusahaan-perusahaan yang lebih menggunakan bahan-bahan tempatan yang cukup dan diperolehi dengan harga yang stabil adalah terlindung daripada kenaikan harga yang disebabkan oleh kenaikan harga di pasaran dunia.

Oleh itu Kementerian adalah sentiasa mengkaji dari masa ke masa untuk menentukan bekalan cukup bagi pasaran tempatan bukan sahaja barang keluaran tetapi juga bahan mentah tempatan. Misalnya, larangan eksport adalah dikenakan ke atas barang-barang besi, tepong, gula dan sebagainya. Bagi bahan-bahan mentah pula, larangan eksport adalah dikenakan ke atas besi-besi buruk untuk kegunaan perusahaan besi tempatan, bedak beras, dedak gandum atau "wheat pollard" dan "wheat bran" untuk kegunaan perusahaan membuat makanan haiwan.

TOPI KELEDAR—MENGEQUALIKAN

29. Nik Abdul Aziz bin Nik Mat minta Menteri Perhubungan menyatakan adakah benar cadangan hendak mengecualikan pemakaian topi keledar bagi Haji-haji itu ditarik balik berdasarkan fatua seorang Mufti, dan jika benar, bolehkah Menteri yang berkenaan berikan satu contoh penarikan balik satu-satu undang-undang

Parlimen, mengikut fatua seorang Mufti dan memandangkan sungutan-sungutan tak puas-hati haji-haji terhadap pemakaian topi keledar, bolehkah Kerajaan menimbang semula keputusannya.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Ianya tidak benar. Perkara mengecualikan pemakaian topi keledar ke atas haji-haji sedang dipertimbangkan.

KENDERAAN PENGANGKUTAN— KEKURANGAN

30. Nik Abdul Aziz bin Nik Mat minta Menteri Perhubungan menyatakan, memandangkan kekurangan kenderaan-kenderaan pengangkutan bolehkah pihak yang berkenaan mengeluarkan lesen darurat untuk kenderaan pengangkutan dengan dikenakan syarat-syarat tertentu.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Pengangkutan Awam seperti pengangkutan lori, bas dan teksi keseluruhannya adalah mencukupi, dan Kerajaan tidak ada cadangan mengeluarkan lesen-lesen darurat seperti yang dikeluarkan di masa pentadbiran MAGERAN. Kerajaan negeri boleh mengesyorkan kepada Kementerian saya untuk menambah bilangan teksi dalam negeri berkenaan jika perlu. Walaubagaimanapun jikalau ada kekurangan pengangkutan di mana-mana kawasan dan pada bila-bila masa juga, Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan boleh mengeluarkan lesen-lesen sementara ini kepada lori-lori lesen "C" untuk mengatasi kekurangan pengangkutan lori awam dan bas-bas sekolah untuk mengatasi kekurangan bas-bas biasa bagi penumpang-penumpang awam.

FILEM/PANGGUNG WAYANG— PENGURUSAN

31. Tuan Haji Shafie bin Abdullah bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian adakah benar bahawa pengurusan filem dan panggung-panggung wayang di dalam negara ini dikongkong oleh hanya dua buah syarikat sahaja dan jika benar, kenapa.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Memang benar bahawa pengurusan filem dan panggung-panggung wayang di dalam negara ini dikongkong hanya oleh dua buah syarikat sahaja. Ini adalah kerana kedua buah

syarikat ini telah mengendalikan perusahaan fileman selama 30 tahun dan dengan demikian telah dapat mengukuhkan kedudukan mereka dalam perusahaan tersebut.

PAMIRAN PELUANG PERDAGANGAN DI JEPUN

32. Tuan Haji Shafie bin Abdullah bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian iaitu dalam rangka lawatan Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian ke negara Jepun baru-baru ini adakah beliau mengambil satu-satu inisiatif membincangkan antara lainnya iaitu bagaimana negara yang dilawatnya itu (Jepun) dapat menolong bumiputra-bumiputra dalam bidang perdagangan dan perindustrian umpamanya dalam "Perusahaan Kecil" (Cottage Industry) dan sebagainya.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Tidak.

JAWATAN KOSONG—IKLAN

33. Dr A. Soorian minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada Kementerian beliau sedar bahawa iklan berikut yang telah disiarkan di dalam suratkhbar *Straits Times* pada hari Jumaat, 23hb Mac, 1973 seperti berikut:

"Kerani/Jurutrengkas Cina	...	\$400
Jurutaip Melayu M.C.E.	...	\$150
Pemandu India	...	\$150

datang sendiri dengan segera di 18 Jalan 52/4, Petaling Jaya, Bandar Baru." Tidakkah Kerajaan bersetuju, dengan terang-terangnya menunjukkan perbezaan di dalam pekerjaan, berdasarkan bangsa mengenai tangga-gaji dan kedudukan ini memundurkan dan sangat dikesalkan yang mana tujuan Kerajaan adalah untuk membentuk semula masyarakat. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi mengelakkan perkara ini berterusan.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam): Iklan di *Straits Times* bertarikh 23-3-73 yang dirojokkan oleh Ahli Yang Berhormat itu telah diiklankan oleh sebuah ejensi pekerjaan privet yang dinamakan sebagai Central Employment

Agency beralamat di 18A Jalan 52/4, New Town Centre, Petaling Jaya. Iklan itu berbunyi seperti yang berikut :

JAWATAN KOSONG

Setiausaha yang berpengalaman \$350; Jurutrengkas \$250; Penyimpan Buku Kira-kira Sementara (Jantina) Perempuan \$200; Jurutrengkas dan Kerani Lelaki Cina berusia 30 tahun \$400. Penolong Pegawai Kakitangan 250; Jurutaip Melayu berkelayakan M.C.E. \$150; Pemandu kereta berbangsa India \$150. Datang sendiri dengan serta-merta ke 18A, Jalan 52/4, New Town Centre, Petaling Jaya.

Penyiasatan dijalankan oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat menunjukkan bahawa majikan-majikan telah meminta ejensi tersebut di atas dan menawarkan untuk menggaji :

- (a) Setiausaha yang berpengalaman dengan gaji sebanyak \$350 sebulan (Sebarang bangsa).
- (b) Jurutrengkas \$250 sebulan (Sebarang bangsa).
- (c) Seorang Penyimpan Buku Kira-kira Sementara Perempuan dengan gaji \$200 sebulan (Sebarang bangsa).
- (d) Jurutrengkas dan Kerani Lelaki Cina berusia 30 tahun dengan pengetahuan dalam Bahasa Cina secara bertulis dengan gaji sebanyak \$400 sebulan.
- (e) Seorang Penolong Pegawai Kakitangan dengan gaji sebanyak \$250 sebulan (Sebarang bangsa).
- (f) Jurutaip Melayu dengan kelayakan M.C.E. dengan gaji sebanyak \$150 sebulan. (Tidaklah ada tawaran untuk menggaji jurutaip dari keturunan India atau Cina).
- (g) Pemandu Kereta berbangsa India dengan gaji sebanyak \$150 sebulan. (Tidak ada tawaran untuk menggaji pemandu kereta berketurunan Melayu atau Cina).

Dari penyiasatan di atas nampaknya Ahli Yang Berhormat itu telah mengubah bentuk iklan yang tidak bersalah untuk menyokong tuduhan diskriminasi bangsa dengan memetik tiga dari tujuh jenis pekerjaan yang diiklankan oleh ejensi privet itu.

BANK PEMBANGUNAN ASIA— PINJAMAN

34. Dr A. Soorian minta Menteri Kewangan menyatakan :

- (a) berapa banyakkah Malaysia telah meminjam dari Bank Pembangunan Asia mengikut kiraan matawang Jerman (marks) dan matawang Jepun (yen) hingga sekarang;
- (b) memandangkan yang matawang Jerman (marks) dan matawang Jepun (yen) sekarang ini nilainya telah naik daripada matawang ringgit Amerika, adakah benar yang Malaysia terpaksa membayar 30% hingga 40% lebih daripada jumlah hutang yang asal; dan
- (c) jika benar, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan kita bagi menguatkan cara-cara pinjamannya supaya menjaga kedudukan kewangan Malaysia dan agar dengan pukulan yang tidak disangka-sangka ini ekonomi kita tidak terjejas.

Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin):

- (a) Malaysia sehingga ini telah meminjam sebanyak US\$82.9 juta dari Bank Pembangunan Asia. Pengeluaran di dalam German marks dan yen sehingga hari ini berjumlah US\$2.5 juta iaitu kurang dari 3% daripada jumlah pinjaman yang telah didapati.
- (b) Sungguhpun yen dan marks telah naik nilainya jika dibandingkan dengan wang Amerika, tanggungan hutang kita di dalam matawang yen dan marks hanya bertambah dengan kadar yang kecil oleh kerana matawang Malaysia, tidak seperti matawang Amerika, tetap mengekalkan nilai emasnya. Oleh yang demikian, tanggungan hutang kita tidak bertambah sebegitu banyak.
- (c) Kerajaan sentiasa menyemak kedudukan perkara yang tersebut di atas dengan tujuan untuk meminjam wang-wang yang kurang teguh dari pasaran kewangan antarabangsa dan melaburkannya semula di dalam wang-wang yang lebih teguh.

TAYAR JENIS TERTENTU—SIASATAN

35. Tuan Lim Pee Hung minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau dapat menimbang mengadakan penyiasatan untuk

menentukan sebarang pertalian yang mungkin ujud di antara tayar-tayar dari jenis yang tertentu dengan kejadian kemalangan-kemalangan jalanraya yang menyebabkan nahas.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Perkara ini adalah perkara teknikal dan saya akan mengkaji dan akan membincang dengan Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan berkenaan, terutama sekali dengan Majlis Keselamatan Jalanraya.

LAPURAN SURUHANJAYA GAJI AZIZ—PERLAKSANAAN

36. Tuan Walter Loh Poh Khan minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh beliau untuk menafikan tuduhan-tuduhan bahawa Sistem Salleh telah tidak berkesan lagi kerana mengikut anggapan orang ramai pondok-pondok Polis di Ibu Kota Kuala Lumpur tidak diduduki lagi, semenjak kematian Tun Salleh Ismail.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Tuduhan-tuduhan mengatakan bahawa Sistem Salleh tidak berkesan lagi di Ibu Kota Kuala Lumpur adalah tidak benar. Tuduhan-tuduhan yang dibuat secara umum ini adalah terbit daripada orang-orang yang tidak mengetahui keadaan sebenarnya sistem itu. Kepada mereka ini saya suka menegaskan bahawa sistem ini adalah terus berjalan dengan memuaskan. Mengikut Sistem Salleh bahawa pondok-pondok Polis di Ibu Kota Kuala Lumpur dan juga di bandar-bandar yang lain adalah didirikan sebagai pengkalan rondaan atau "beat bases". Memang kadangkalanya pondok-pondok itu kelihatan kosong. Ini disebabkan bahawa anggota-anggota Polis yang bertugas di pondok itu adalah dikehendaki membuat rondaan di sekitar kawasan sesebuah pondok itu. Oleh yang demikian, ketiadaan anggota-anggota Polis di sesuatu pondok pada sesuatu masa yang tertentu tidaklah bererti sistem itu gagal.

GURU-GURU/PEGAWAI PERKHID- MATAN PELAJARAN—KENAIKAN PANGKAT

37. Tuan Haji Mohd Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan samada pihak Kementerian Pelajaran mempunyai apa-apa dasar, peraturan atau apa-apa kaedah tertentu atau nilaitara bagi menaiki

dan menurunkan pangkat guru-guru atau Pegawai-pegawai Perkhidmatan Pelajaran di tiap-tiap buah negeri.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Ada.

Dasar kenaikan pangkat bagi guru-guru atau pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Pelajaran ada terkandung di dalam Perintah Am dan Pekeliling-pekelling yang dikeluarkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. Mereka dipilih untuk dinaikkan pangkat berdasarkan kepada merit, kelulusan rasmi dan pengalaman. Apabila dua orang pegawai didapati mempunyai merit yang sama maka pegawai yang lebih kanan akan diutamakan. Untuk mempertimbangkan merit seseorang pegawai itu, kesesuaiannya untuk memegang jawatan yang lebih tinggi itu akan diambil kira.

Peraturan kenaikan pangkat terdapat dalam Peraturan-peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam, 1972. Di bawah peraturan-peraturan itu, urusan kenaikan pangkat adalah dikelolakan oleh Lembaga-lembaga Kenaikan Pangkat.

Kuasa menurunkan pangkat pegawai-pegawai adalah kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Kementerian Pelajaran hanya boleh membuat perakuan sahaja.

TARAF PEGAWAI-PEGAWAI PELAJARAN

38. Tuan Haji Mohd Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan taraf Pegawai-pegawai Pelajaran dalam Jabatan Pelajaran setelah Lapuran Suruhanjaya Gaji Aziz dilaksanakan sejak tahun 1970 dan samada taraf Pegawai Pelajaran itu masih dikekalkan.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Semua Pegawai-pegawai Pelajaran atau Education Officers yang dahulunya tertakluk kepada skim perkhidmatan bagi Pegawai-pegawai Pelajaran telah memilih memasuki Perkhidmatan Pelajaran baru mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10 Tahun 1971. Perkhidmatan baru ini ialah perkhidmatan terbuka dan pegawai-pegawainya tidak kira kategori-kategoriya dikenal sebagai "Pegawai-Pegawai dalam Perkhidmatan Pelajaran".

Oleh yang demikian, Pegawai-pegawai Pelajaran atau Education Officers dalam erti kata skim perkhidmatan bagi Pegawai-pegawai Pelajaran yang lama itu tidak lagi wujud.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti-nya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patek, Yang di Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan terima kasih kepada Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Ketiga”. (19hb April, 1973).

Perbahasan disambung semula.

Tuan Haji Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh): Tuan Yang di Pertua, untuk menyambung ucapan saya pada hari semalam, saya telah menerangkan permainan-permainan ataupun pemerasan-pemerasan daripada orang-orang yang ada kewangan yang kuat terhadap kedudukan ekonomi negara kita. Ini saya suka menyambung juga iaitu kita juga ada meminta atau mendapat bantuan-bantuan kewangan daripada bank dunia dan juga daripada luar negeri untuk mengadakan perusahaan-perusahaan joint-venture dalam negeri ini.

Di sini dari badan bank dunia ini saya berharap beberapa syarat yang dikenakan yang menjadikan kedudukan perbelanjaan-perbelanjaan begitu banyak yang digunakan bagi faedah orang luar negeri ini. Umpamanya, kalau satu-satu pinjaman kepada bank-bank ini, maka dikenakan beberapa syarat, semua syarat-syarat ini merugikan negara kita, umpamanya untuk menguruskan rancangan-rancangan yang mendapat bantuan ini hendaklah kita mempersetujui yang bank ini akan menggunakan semua pakar-pakarnya dan seterusnya kepada jawatan rendah tidak ada peluang kita untuk menggunakan pakar-

pakar kita. Begitu juga untuk membeli barang-barang keperluan pembangunan untuk pinjaman ini juga ditetapkan mestilah menggunakan barang-barang dari negeri yang telah memberi banyak wang untuk bank ini, maka di negeri itu sahaja yang boleh diambil barang-barang itu untuk kegunaan pinjaman di negeri ini dan kita tahu barang-barang ini semuanya harga yang fantastik, harga yang tidak sesuai dengan negeri kita iaitu harga yang sangat lebih.

Unsur-unsur kewangan mengadakan joint-venture ataupun perniagaan sama di negeri ini untuk membuka perusahaan syarat-syarat ini juga dikenakan—mestilah membeli barang-barang kalau sekiranya kewangan ini datang dari Negeri Belanda, mestilah beli barang-barang dari Negeri Belanda sendiri, tak boleh kita pilih negeri-negeri yang lain dan mestilah juga menggunakan pakar-pakar dari Negeri Belanda sendiri umpamanya, dan mereka menetapkan harga yang mereka suka. Jadi ini mengakibatkan kerugian yang sangat kepada kita sungguhpun pada dasarnya joint-venture ini memberi keuntungan kepada negara kita tetapi sebaliknya. Dengan sebab itu, saya rasa pemerasan daripada tenaga wang terhadap unsur-unsur pembangunan negara ini sangat-sangatlah kita awasi. Tidak ada faedahnya kita akan menjadi hamba kepada mereka, untung yang banyak untuk mereka dan kita cuma sedikit sahaja mendapat keuntungan.

Kesimpulannya, dari ucapan saya berkenaan dengan hal ekonomi negeri ini pada pandangan saya supaya segala pengeluaran-pengeluaran hasil-hasil negeri ini dinikmati sama rasa, sama percentage, tidak ada yang terlampau banyak mendapat keuntungan, ada yang sedikit, mestilah ada penyelarasan antara pengeluar dengan penerima barang-barang pengeluaran kita. Bagi barang-barang mentah kita untuk keluar negeri saya memandang untuk menseimbangkan supaya barang-barang yang dibeli di luar negeri tidak begitu mahal dan begitu juga barang-barang dalam negeri ini tidak begitu murah dibeli oleh orang luar negeri. Mestilah ada satu badan penyelarasan di mana kalau umpamanya Kerajaan Negeri Jepun meminta untuk berniaga dengan negeri kita pada satu tahun dikatakan \$100 juta, maka barang-barang itu hendaklah mendapat kepuasan hati kita, kepuasan daripada harganya terhadap negara kita dan begitu juga

kita mestilah minta mereka membeli barang kita juga sebanyak \$100 juta dan harga yang berpatutan.

Dengan cara dua jalan yang begini, saya percaya pengeluaran yang dihasilkan oleh rakyat negeri ini untuk mendapat pendapatan yang baik dan juga mendapat barang-barang keperluan negeri ini berdasarkan harga yang berpatutan tidak semacam hari ini harga-harga itu tidak dikawal langsung, tidak ada badan penyelarasan langsung. Saya tahu di negara lain memang ada membuat cara-cara macam ini.

Saya sendiri juga ada mendapat tahu dalam perkara ini umpamanya macam badan-badan kita di sini hendak menjual getah kepada sesebuah negeri, maka kita mesti beli barang luar negeri itu dan harganya ditetapkan.

Kita juga patut memandang pada masa hadapan bahawa begitu pesat rancangan yang kita majukan untuk mereka yang duduk di luar bandar yang mengeluarkan barang-barang mentah seperti getah, kelapa sawit, kelapa dan sebagainya. Jadi itulah satu pandangan dari segi menyelaraskan ekonomi untuk mendapatkan tenaga yang berpatutan dalam negara kita dari negara lain. Jika negara itu tidak sanggup dengan cara itu, lebih baik kita cari negara lain yang sanggup untuk berbuat demikian.

Kita telah dengar perbincangan dalam soal jawab tadi tentang kenaikan harga dan sebagainya, tetapi rasa saya, ini satu masaalah berkait daripada badan-badan yang kuat kedudukan kewangannya, sebab sistem ekonomi kita seperti yang ada sekarang membenarkan adanya satu-satu perusahaan itu dimonopoli oleh satu-satu badan sahaja seumpama yang kita dengar tadi mengenai beras yang boleh mengimpot dari luar negeri hanya beberapa orang yang mendapat lesen sahaja. Jadi badan-badan yang kuat kewangannya itu boleh menetapkan harga turun-naiknya barang itu. Ini rasa saya sudah sampailah masanya bahawa tidak patut kita biarkan lagi monopoli atau pembolotan oleh satu dua badan sahaja menguasai kekayaan negara ini, maka patut sekali Kerajaan mengambil kesimpulan mengenai keperluan rakyat luar bandar yang mustahak sangat mestilah Kerajaan sendiri mengambil-alih pentadbiran itu seumpama barang keperluan seperti beras, gula atau

pakaian-pakaian. Jika sampai masanya mestilah dibebaskan seberapa banyak yang boleh, dimasukkan barang-barang itu ke negeri ini supaya menurunkan harga barang-barang itu dan tidak lagi melalui badan-badan yang membolot keuntungan itu.

Saya tahu kalau seseorang hendak mengimpot beras dari luar negeri, kalau tidak melalui badan-badan tertentu itu, memang kita tak dapat berbuat demikian, kita terpaksa pergi kepada badan-badan itu dan terpaksa membayar komisyen. Rasa saya, tidaklah sesuai lagi pentadbiran seperti itu. Begitu juga dalam negeri ini masaalah kenaikan harga barang yang dirasai oleh rakyat, memang tak patut naik. Dalam perkara ini, saya berpeluang pergi ke negeri-negeri yang mengatur cara-caranya di mana barang-barang keperluan rakyat di luar bandar dapat dikawal harganya, bukan dengan control of price, tetapi dengan ada beberapa banyak barang keperluan itu diadakan supaya harganya itu tidak dapat dinaikkan dan dimainkan oleh peniaga yang kuat kewangannya itu.

Pada pandangan saya, dalam perkara ini, selagi pendapatan atau kekayaan negara ini tidak dinikmati oleh rakyat luar bandar, maka selagi itulah tujuan-tujuan dari Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia untuk menyatupadukan rakyat tidak akan tercapai. Perkara ini sangat penting, memang patut Kerajaan mengambil berat. Kerajaan tidak dapat menyatupadukan rakyat negeri ini jika tidak seimbang pendapatan rakyat negara ini.

Selain daripada itu saya ingin sentuh juga berkenaan dengan tidak seimbangnyanya pembahagian kekayaan negara dari segi pengambilan pekerja atau pegawai terutama di kilang-kilang perusahaan. Jika kita lihat personal emolument pegawai dalam badan berkanun, ataupun jabatan Kerajaan sendiri, kita dapat lihat dengan jelas bagi pihak bumiputra peratusnya sangat kurang dibandingkan dengan bayaran yang didapati oleh bukan bumiputra. Ini juga merunsingkan kita sebagai bumiputra. Kita tak mahu berlaku apa yang dikatakan sebagai "show piece" sahaja, kalau Menteri-menteri kita melihat satu-satu perbadanan, gudang atau perdagangan, masa Menteri datang diatur beberapa banyak pegawai-pegawai bumiputra, tetapi kalau ditengok personal emoluments, perbelanjaan untuk gaji mereka

memang tidak sampai 20—30% bagi bumiputra. Pada masa yang akan datang Kerajaan mestilah mengawasi perkara ini supaya nikmat-nikmat yang didapati oleh bumiputra itu seimbang, baik dalam mana badan hendaklah sekurang-kurangnya seimbang dengan semua orang-orang bukan bumiputra.

Saya berbesar hati kerana dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia itu menyentuh berkenaan dengan Lembaga Pertubuhan Peladang dan juga Kerajaan memandang berat tentang kenaikan harga barang-barang tadi. Ini berbalik kepada ucapan saya tadi, semua rancangan tidak akan berjaya, kalau sekiranya pasaran, ataupun harga pengeluaran daripada badan-badan itu tak dapat dikawal. Seperti saya ceritakan tadi, serupalah hasilnya tidak akan dapat kita tujukan kepada matlamat kita untuk memberi nikmat yang sebenarnya kepada rakyat luar bandar negeri ini.

Sekarang saya sentuh lagi berkenaan dengan Bahasa Kebangsaan dan ramai Ahli-ahli Dewan daripada pihak Pembangkang telah membangkitkan perkara ini disebabkan kegagalan murid-murid dalam peperiksaan baru-baru ini. Saya memandang, dari satu segi, jika kita mahu murid-murid itu lulus dalam Bahasa Kebangsaan masalah penilaian bahasa itu sendiri hendaklah diutamakan. Sekarang, walaupun murid-murid mendapat kelulusan yang tinggi dalam Bahasa Kebangsaan, tidak ada nilai dari segi ekonomi. Jika dia hendak mencari pekerjaan dengan Kerajaan, maka penilaian yang diutamakan lebih kepada bahasa Inggeris. Ini memang berlaku, Bahasa Kebangsaan tak ada nilai ekonomi. Jadi kalau Kerajaan meletakkan nilai mutu Bahasa Kebangsaan itu dalam negeri ini, tidak akan timbul lagi soal murid-murid yang tak lulus dalam perkara itu. Saya berharap tidak timbul lagi pendapat mengatakan bahasa Inggeris sangat mustahak sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Menteri Pelajaran baru-baru ini. Pendapat itu akan mengelirukan rakyat.

Kita tahu bahasa Inggeris mustahak untuk luar negeri tetapi di negara kita, kita mustahak kepada Bahasa Kebangsaan kita. Berilah penilaian, itulah yang saya mahu. Jika sudah ada penilaian, tidak ada soal lagi akan timbul sebagaimana yang dibangkitkan oleh pihak Pembangkang, iaitu banyak orang yang bukan bumiputra tak lulus dalam

matapelajaran Bahasa Kebangsaan itu. Kita telah memberi masa 14 tahun. Tuan Yang di Pertua lamanya, pada hal perkara-perkara pelajaran yang lebih susah daripada Bahasa Kebangsaan mereka boleh lulus. Ini bukan kerana tidak lain dan tidak bukan kerana penilaian bahasa itu tidak ada. Sekali lagi saya merayu, Tuan Yang di Pertua, penilaian Bahasa Kebangsaan ini hendaklah diambil berat oleh Kerajaan kita.

Perlaksanaan rancangan-rancangan Malaysia kita. Ada sebilangan mereka yang melaksanakan perkara ini patutlah diawasi atas kelambatan-kelambatan menjalankan rancangan dan sebagainya. Ini patut diawasi, terutama sekali pentadbir-pentadbir yang menjalankan usaha-usaha ini.

Saya nampak pada masa yang lampau, jikalau Jabatan-jabatan yang bertanggungjawab dalam perkara ini tidak menjalankan tugas-tugasnya tidak ada satu tindakan yang kita boleh ambil, bahkan saya mendengar sendiri dari pegawai-pegawai ini, apakah Kerajaan boleh buat kepada saya, habis-habis ditukarkan saya ke tempat lain. Rasa saya, kalau keadaan yang semacam ini juga, berpanjangan, sungguhpun hasrat Kerajaan Perikatan untuk hendak melaksanakan rancangan ini tidak akan dapat dicapai selagi tidak ada satu jalan bagaimana mengawasi supaya pelaksanaan-perlaksanaan dapat dijalankan dengan baik.

Saya tunjukkan satu contoh yang kecil sahaja bagaimana perjalanan-perjalanan, ataupun usaha setengah-setengah pegawai—bukanlah saya katakan semua. Seumpamanya baharu-baharu ini Kerajaan mengadakan Seminar Ekonomi Bumiputra pada 4, 5 dan 6 hari April di Universiti Malaya di mana dipelawa mereka yang suka mengambil bahagian dalam seminar ini di bulan seluruh negara kita, maka sambutan yang sangat meriah telah diberikan oleh bumiputra. Apa yang telah terjadi bahawa peserta-peserta ini telah meminta untuk mengambil bahagian, dan keputusan yang dibuat oleh pegawai, saya tidak tahu siapa jawatankuasanya. Di sini mengatakan: "Dengan segala hormatnya sukacitalah dimaklumkan bahawa tuan telah dilantik untuk menghadiri Seminar bertarih 23hb Mac, 1973. Tetapi pada 23hb Mac juga satu keputusan lagi telah dibuat. Katanya, "Dengan segala hormatnya dukacita dimaklumkan bahawa oleh kerana sebab yang

tidak dapat dielakkan tuan telah tidak dipilih." Inilah kecekapan-kecekapan pegawai-pegawai kita. Kalau keadaan yang semacam ini berlaku, maka pada masa satu saat sahaja boleh bertukar keadaan, bagaimana kita hendak menjalankan rancangan lain yang patut dipersetujui pendapat-pendapat yang baik. Banyak lagi perkara, yang saya mengalami atas perkara ini. Ini satu contoh sahaja. Saya tidak mengatakan pada hari ini sahaja, tetapi sebagai satu contoh.

Rasa saya, badan penyelarasan Kerajaan untuk mengawasi pegawai-pegawai semacam ini patut diadakan supaya mereka yang bertanggungjawab itu betul-betul bertanggungjawab bukan bertanggungjawab sambil lewa, dan tindakan-tindakan walaupun tindakan keras terpaksa diambil, kalau mereka tidak menjalankan tugasnya, maka mestilah kita ambil tindakan yang keras, tidak lagi sebagaimana yang ada sekarang, pegawai-pegawai Kerajaan mengatakan, apa dia boleh buat kepada saya, kalau saya tidak bekerja, cuma ditukarkan ke tempat lain, katanya. Inilah yang merunsingkan saya terutama kawasan saya, bagaimana hendak menyeru rakyat supaya bekerjasama dan segala rancangan kita dapat dilaksanakan.

Saya berbalik semula berkenaan dengan Jabatan Talikom, perkhidmatan talipon dan sebagainya. Saya banyak kali sudah menyentuh perkara ini dalam Parlimen bahkan Ahli-ahli yang lain juga. Rasa saya, untuk mengalihkan kerunsingan-kerunsingan ini lebih baiklah semua exchange talipon ini ditukar dengan automatic sahaja tidak usah memakai orang ini semua. Sebab serupa dengan apa yang saya ceritakan tadi, apa dia boleh buat, katanya. Bahasanya kasar. Pada satu masa katanya: "Eh! Awak apa mahu? Apa nombor hendak?" Saya adukan kepada pegawai-pegawai yang tertentu tidak tahu apa tindakan yang diambil. Sekarang saya merayu supaya tiap-tiap exchange mestilah ditukar terus menjadi automatic exchange, jangan memakai lagi—mereka ini, tidak ada faedahnya dan menyakitkan hati kita. Kita yang membayar talipon. Kita membayar perkhidmatan, tetapi perkhidmatan yang kita terima inilah dia rupanya. Dibangkitkan dalam Dewan ini bukan sekali, sudah 14 tahun dibangkitkan, kadang-kadang kita pusing "ring" sampai 10 kali tidak menjawab, kadang-kadang kita dengar mereka berbual sesama sendiri: Ini, rasa saya, tidak tahu di mana saya hendak arahkan.

Menteri kita tidak boleh mengambil tindakan, kerana kata pegawai itu apa Menteri kita boleh buat. Jadi tindakan yang sepatutnya ialah bahawa seluruhnya dijadikan automatic exchange dan saya percaya dengan cara ini penggunaan talipon itu akan kita berpuas hati.

Begitu juga berkenaan dengan directory. Kita minta pada mereka untuk disampaikan. Dia jawab, datang ke office saya untuk mengambilnya. Di Kuala Lumpur ini di Jalan Weld. Kita minta dia hantar dengan post, dia tidak sanggup. Kita bayar perkhidmatannya. Kalau sekiranya Pejabat Pos tidak sanggup hantar, hantar dengan pos, kita bayar dengan registered post. Peraturan-peraturan ini, rasa saya, patut diawasi oleh Menteri yang bertanggungjawab, kerana kita tidak ada masa, sibuk untuk hendak pergi ke Jalan Weld hendak mengambil Telephone Directory itu. Hantarkan dengan pos, kalau tidak ada duit, kita bayar harga registered post itu. Tetapi pada masa ini, kita membayar perkhidmatan pos ini bukan kita dapat free. Ini bukan saya seorang, banyak orang yang terkena, Tuan Yang di Pertua.

Tuan Yang di Pertua, dalam segi pelaksanaan atas perkhidmatan-perkhidmatan bahawa suara-suara yang lantang dari Dewan ini terhadap perkara ini iaitu mestilah ada satu perkhidmatan penyelarasan bahawa tindakan terus diambil. Satu, kita berhenti terus kerjanya dengan tidak ada lagi tolak ansur dalam perkara ini. Mana-mana mereka yang menjalankan perkhidmatan Kerajaan yang tidak menjalankan tugasnya yang bertentangan dengan dasar kita, berhenti terus. Tidak semacam sekarang ditukarkan, itu tidak ada makna.

Saya berharap segala rancangan ini dapat berjalan dengan baik dengan kadar yang saya ceritakan tadi iaitu pelaksanaan-perlakuan yang berjalan dengan licinnya dari segi pentadbiran dapat diawasi supaya apa yang didengar ataupun didoakan oleh rakyat negeri ini terhadap Kerajaan Perikatan yang begitu elok dapat betul-betul dijalankan. Tidak boleh dikatakan indah bunyi sahaja, tetapi perlaksanaannya tidak memuaskan.

Rasa saya, dengan itu, saya memandangkan perkara-perkara yang dikanunkan di dalam ucapan ini hendaklah diawasi, adakah penyata-penyata yang diberi oleh mereka

yang bertanggungjawab ini betul-betul benar, tidak indah dalam surat ini, tetapi di bawahnya tidak benar. Ini saya berkehendakkan.

Tuan Yeoh Teck Chye (Bukit Bintang): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, wherever democratic governments exist, either in the advanced West or in the developing countries of the third world, it is widely conceded that conflicts between the workers and employers will arise from time to time; and no magic wand can erase them entirely. Our Prime Minister himself has acknowledged this fact on various occasions. He, however, has called on the parties concerned to dispose of these disputes expeditiously in the overall interests of the nation.

The trade unions are all in favour of reducing these conflicts, frictions and tensions in their own enlightened self-interest. We are convinced that this can be done, still retaining their separate identities as unions and employers.

Therefore, the recent statement by the Chairman of M.E.C.A., Datuk Ubaidulla came as an unwelcome surprise and a shock. He has assumed the role of a "prophet of doom" to predict greater industrial unrest. In doing so, he not only cast a shadow upon the labour scene, but also cast aspersions on the Ministry of Labour and Manpower. I must categorically declare that the Malaysian Trade Union Movement does not share his sense of alarm and despondency. This is so, because we believe that the industrial relations climate can be improved if Datuk Ubaidulla will devote more time and energy to put his own house in order and initiate a programme to educate the recalcitrant and reactionary members of his Association.

I am sure most of us are aware that the bulk of the disputes in the past year related to the unorganised sector of workers.

The burning question of the day is that in most of the new industries cropping up, the workers do not get even the barest minimum under the Employment Ordinance. The employers themselves are guilty of defying the law in this respect. The oppressed workers in these new industries try to form unions to protect themselves. The management then hits back by intimidating and victimising those who try to form a union.

In some instances, the conflicts arose out of the refusal of the management to recognise the unions. It should be clear that it is the attitude of the unenlightened employers that has forced the workers to take some action to draw attention to their plight.

Perhaps, the Ministry of Labour should take a share of the blame in this respect. There had been undue delay in the processing of recognition issues; and these delays had exposed the workers to intimidation by the employers, and in many cases there have been unfair dismissals. Invariably one of the major causes of industrial unrest has been the question of recognition of the legitimate rights of the workers to form a trade union. Though it is clearly stipulated in the labour laws that employers should not and cannot obstruct or victimise workers for forming or joining trade unions, in reality a number of employers are guilty of intimidation and victimisation of members of the staff who attempt to organise themselves. This is done under the pretext of inefficiency, insubordination and a variety of other imaginary causes.

This is one of the major difficulties of the trade union movement in its endeavour to organise the unorganised. Therefore I urge the Government to adopt a system whereby workers, organisation should be automatically recognised by the employers once it is established that a reasonable number of workers in the establishment belong to the union concerned.

Honourable Members are doubtless aware that after the introduction of the Amendment of 1969, which gave employers absolute discretion to dismiss, promote, discipline, transfer and retrench workers, the number of dismissal and retrenchment cases have increased manifold. This is a clear indication that employers have been fully exploiting the anti-labour legislation, causing an increase in industrial unrest and discontent among the working masses.

In the light of the prevailing circumstances, it should be clear that Datuk Ubaidulla's statement was made in ignorance of the realities or made with motives of mischief calculated to mislead the Government and also the public. Perhaps, he and his organisation are still belabouring under the colonial notion that Government should

extend its protection only to employers and give them unrestricted rights to squeeze the last drop of blood from the exploited worker. I think it is time that our Government should tell the employers that there is no room for such employers in the new Malaysia. We welcome enlightened entrepreneurs. The days are gone when capitalists were lured by the promise of cheap docile labour.

It is common knowledge that many reputed firms, paying fair wages and decent conditions of service, are still making handsome profits. Why then should we watch helplessly when certain employers are paying sub-subsistence wages to our workers? Not that they cannot pay better, but because they want to make bigger and more profits.

Let me cite an example. I am informed that one local factory manufacturing crash helmets is selling the products at a price much higher than the ones imported from abroad, although the imported ones are of a slightly better quality. Similarly, there are many other items of local manufacture which are inferior in quality but higher in prices. I am not against tariff protection for domestic manufacturers, but the Government should be concerned about protecting the local consumers also and not allow this unrestricted exploitation of a captive market and our labour force.

Mr Speaker, Sir, it has already been mentioned in the House of the spiralling prices that are affecting most of the workers and also mainly the people of this country; and we know that this increase in prices has been mainly due to many unscrupulous businessmen trying to make a quick buck. Therefore, it is hoped that the Government will introduce measures that can prevent such people from exploiting the public.

Mr Speaker, Sir, the Suffian Report was based on 1964 statistics but only implemented after six years in 1970. If we were to make comparisons with the present-day cost of living and the recent inflationary prices of essential commodities, it becomes even more unrealistic. Although this applies generally to all the public services, I would like to make particular reference to our Police Services. I understand that the Police officers under the Suffian recommendations are paid an allowance of \$70 plus a subsidiary housing

allowance of \$150 which will be withdrawn in two years' time. Most of these officers cannot find accommodation for less than \$200, and extreme hardship will be caused once the subsidiary allowance is withdrawn. This equally applies to the rank and file. A police constable drawing an all-in salary of \$270 has to pay something like \$131 for a flat excluding light and power, which may cost another \$30 or more, virtually leaving him hardly anything to pay for his children's schooling and household expenses. I call upon the Government to review the Suffian recommendations in view of their being out of date and totally unrealistic in relation to present-day living conditions.

Mr Speaker, Sir, we warmly welcome the decision of the Government to make suitable amendments in the labour law to allow trade unions to invest their funds in gainful business ventures, for which we are indebted to the Minister of Labour and Manpower. This is a progressive piece of legislation which will enable the trade unions to play an active role in the economic progress of the country.

I would also like to take this opportunity to express my appreciation to both the Honourable Prime Minister and the Honourable Minister of Finance for having given their blessings to the formation of a Workers' Bank. It is only natural that the workers of this country, who form the vast majority of the population, be given an opportunity to pool their resources in an effort to improve their economic position.

It is wellknown that the lower income group has long been a prey to the unscrupulous money-lenders, which had demoralised the very personality of the borrower who feels unable to redeem himself from the clutches of the money-lender. With the establishment of this Bank, it is our intention to bring the low-income group into the money economy and provide facilities for the small man in need of immediate and emergency financial relief which is not available at present. This bank will bring hope to the low-income workers who will also be able to enjoy the fruits of the activities of the Bank.

This worthy project deserves the utmost support of, not only the Government, but the entire community, because the bank will

form the hub of many activities that will enrich the community in the fields of housing, education, health and other social and cultural activities.

On various other occasions, I have drawn the attention of this House to the appalling conditions of certain roads and drainage in some parts of our City. I regret to say that while nothing has been done to remedy the situation, in fact the conditions have deteriorated in some areas. The authorities concerned seem to pass on their responsibilities to developers. The authorities should also make sure that proper approach roads, drainage, power and water supply are provided before granting licence to put up houses.

That brings me to the subject of the perennial problem of squatters. On one hand we witness the authorities vigorously demolishing squatter settlements without any concern of providing suitable alternate accommodation, and another day we see a new illegal squatter settlement sprouting from the same area with the seeming support of the authorities themselves. This paradox is beyond the comprehension of fair-minded people. We would like to know the "rationale", if any, behind this double-standard exercise.

Perhaps the most "outstanding" event since the Federal Capital became a City, is the decision of the City Fathers to remove the bus terminal from Jalan Melaka, which naturally created quite a furore. We are in agreement with the City Administration that the terminal be re-located. But the manner in which it was done, without proper preparation and planning, speaks volumes for the incompetence of the policy-makers.

Instead of providing a terminus with all facilities within the City centre, the City Fathers split the terminus into three bus stops and scattering them into various parts of the City, the worst of which was landed along the already busy Jalan Ampang. Public transport users were subjected to intolerable suffering as they were made to wait without shelter in the rain and sun for several days amidst considerable confusion. The Jalan Ampang bus stop has become one of the most serious accident prone areas, where school children keep on crossing the road

all the time. Will the authorities concerned put up an overhead foot-bridge before a few lives are claimed on this road?

A side-effect of this bus transport confusion is the demand on taxis. Even on normal condition taxis are inadequate in Kuala Lumpur, and the new demand by commuters has aggravated the situation. Personally I had to wait almost an hour before I could get one in many parts of the City. I cannot understand the reluctance of the Ministry of Communications to give additional licences, while pretending enough licences had been issued. I have personally recommended a few *bona fide* cases of taxi drivers who are in need of a licence. But so far these cases have been politely shelved. I therefore call upon the Minister of Communications to initiate a survey so that bus-users and taxi-users get a fair deal instead of being pushed around as at present.

In fact, the Minister should examine the case for a fast and frequent mode of public transport between Petaling Jaya and the City, which will discourage the use of cars. Whatever happened to the suggestion of a monorail service, perhaps the Minister will be able to clarify further.

While it is appreciated that Kuala Lumpur being the capital City should be further developed, it would be a short-sighted policy to neglect the development of the outer-city areas. It would be pointless to erect more and more skyscraper buildings in the city centre while the roads cannot cope with the increasing traffic which is already saturated.

We would like to know why the Government is reluctant to develop and expand the greater-city area. This is a logical development as can be seen in London, Tokyo, Paris and other major cities in the world. Competent authorities should plan now for the next 20 years and move away from the epicentre, as we have enough land around.

Mr Speaker, Sir, whilst it is appreciated that the Government is very much concerned about the over-speculation of shares, I cannot understand how or why sanction was given for the *New Straits Times* shares to be issued to the public at a premium of \$4. I understand that in the MIDF report, the book value of the *New Straits Times* shares is only 72 cents. Could the Minister concerned

please enlighten this House on how the figure of \$5 for the *New Straits Times* shares was arrived at, and why the Capital Investment Committee had allowed this?

It has been established that those who were misled into applying for this public issue are in fact losing money because of the over-valuation of these shares. If it is the intention of the Government to protect the public against unscrupulous manipulations of the share market, then it is time that they put their own house in order. Otherwise the investment public will always end up to be the victims of those who profess to look after their interests.

I would therefore suggest an enquiry to be held by the Minister of Finance to determine the cause of *New Straits Times* shares being issued to the public at such a high premium. Unless this is done, the public will be suspicious of the Government's genuine intentions to protect their interests. It is indeed a great irony that while there is an attempt to curb over-speculation in the share market, the proverbial hammer is used to kill the fly; and the share market has slid to such an extent as to cause great alarm to both the Government and the public.

The recent statement by the authorities that they have requested the banks to lift the credit squeeze on share investors has put them in a ludicrous position. In the first instance the Government should not have interfered with the traditional practice of banks giving normal facilities to their clients who are interested in investing in the stock market. Any such encroachment into the legitimate and traditional practice of commercial banks can only lead to serious repercussions. I hope this is a bitter lesson well-learned.

Mr Speaker, Sir, in conclusion may I urge the Government to look into suggestions made from this side of the House with genuine interest so that beneficial changes can be brought about. In this respect I cannot do better than to remind the House of what the Minister of Finance told this House in December last year. Now I quote, "We in the Government keep an open mind and if we feel that changes are called for, we would accept such changes even though they might not have been put forward by us originally."

Tan Sri Mohd. Said bin Keruak (Kota Belud): Tuan Yang di Pertua, sebelum saya menghuraikan ucapan ini dengan panjang lebarnya, terlebih dahulu saya menyokong dengan sepenuhnya atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang mana telah dilafaskan dalam Dewan ini pada 17hb April dan di dalam Titah Ucapan ini ada tersentuh berkenaan dengan keadaan bencana kemarau di dalam negeri Sabah dan juga Kerajaan Pusat akan mengambil tindakan dan memberi pertolongan.

Di sini rakyat Sabah mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas tindakan yang telah diberi oleh Kerajaan Pusat kepada negeri Sabah.

Kedua, sungguhpun begitu, Tuan Yang di Pertua, kelmarin pada 19hb April di Dewan ini seorang Ahli Dewan Rakyat yang datang dari kawasan Dato Kramat yang menyentuh berkenaan dengan keadaan negeri Sabah. Sungguhpun segala tuduhan yang telah dinyatakan atau disebutkan di dalam Dewan ini, perlu bagi saya sebagai seorang wakil dari negeri Sabah dan juga sebagai Ahli Dewan Rakyat memberi pendapat dengan serba ringkas.

Apa yang kita dengar dalam ucapan ini telah menuduh yang orang-orang pelarian dari negeri Filipina adalah lebih kurang 33,000 banyaknya, yang sudah masuk di negeri Sabah pada tiap-tiap hari ataupun 500 orang masuk. Tuduhan-tuduhan yang tidak bertanggungjawab ini tidaklah benar sama sekali. Tuan Yang di Pertua, benar apa yang kita dengar beberapa tahun yang telah lalu dari semenjak Kerajaan British ataupun sebelum ada Kerajaan di negeri Sabah, keadaan orang-orang di sebelah selatan negeri Filipina memang mempunyai keluarga di Sabah dan mereka biasa pulang-balik melawat ke negeri Sabah. Benar ada terdengar keadaan pelarian-pelarian. Ini hanya cuma sedikit, tetapi dianggap banyak. Itulah tuduhan, khabar-khabar angin yang tidak bertanggungjawab ini patut tidak boleh didengar sama sekali. Ahli Yang Berhormat, setahu saya cuma mendengar khabar, adalah khabar-khabar angin, tetapi belum pernah melihat negeri Sabah. Apakah yang ada di Sabah? Jadi, dengan itu di sini saya perlu menerangkan bahawa ini tidak benar, begini banyaknya.

Juga oleh sebab pelarian-pelarian ini kononnya sehingga menjadi penyakit cholera, ini tidak benar, di mana pun di seluruh dunia, Tuan Yang di Pertua, juga mendapat penyakit cholera, bukan datang daripada negeri Filipina terus mendapat cholera. Ini tidak menjadi kehairanan dan keadaan cholera di Sabah ini semua telah diubati, nampaknya tidak membimbangkan lagi dan keadaan sekarang adalah dalam keadaan baik.

Berkenaan dengan berita kemarau di Sabah, ini bukanlah sangat buruk, cuma hanya sedikit-sedikit, satu-satu tempat, iaitu di tempat-tempat yang jauh sekali, di atas-atas bukit, di mana-mana tempat yang kena kemarau, sehingga tanaman-tanaman mereka tidak dapat ditanam lagi di tanah mereka disebabkan keadaan kemarau panjang, tetapi ini cuma hanya sementara. Ini berlaku di mana-mana dunia pun, tetapi belumlah rakyat Sabah itu mati kebuluran dan bukan begitu buruk rakyat Sabah ini masih hidup dalam kemewahan. Tidaklah seperti tuduhan yang begitu buruk. Bantuan-bantuan dari Kerajaan kononnya adalah rakyat Sabah itu menerima hanya beras, iaitu tepung gandum dari Amerika, yang diberi oleh Kerajaan Pusat. Ini bukankah semata-mata bohong. Pada hal Kerajaan Pusat sudah pun memberi bantuan, iaitu beras, beribu-ribu tan sudah diberi kepada rakyat, yang mana tidak ada keadaan kekurangan makanan lagi dan digantikan dengan tepung gandum, ini tidak betul sama sekali, sebab gandum ini boleh jadi, tetapi orang Sabah bukan makan gandum. Kebanyakannya makan beras, biasa makan beras dan bertanam padi. Jadi, ini bukan di merata-merata tempat, Tuan Yang di Pertua. Ini tidak benar, cuma tuduhan, khabar-khabar angin, dengar, percaya, indah khabar daripada rupa, ini tidak benar.

Dari segi kedudukan kewangan negeri Sabah—krisis, ini sehingga gaji kakitangan Kerajaan tidak dibayar, oleh sebab keadaan tidak ada kewangan, ini benarkah? Negeri Sabah tidak pernah tidak membayar gaji kakitangannya, tetapi keadaan sedikit-sedikit yang berlaku, krisis, cuma hanya di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri, itu sedikit-sedikit, itu bukannya kerana tidak dapat bayaran gaji, itu adalah soal pentadbiran. Ini semua tidak ada sama sekali, orang Sabah tidak begitu rumit, cuma terdengar tentang pentadbiran, barangkali elaun-elaun dikurangkan kerana melampau dan

tidak menasabah dan tidak sesuai, ini ada berlaku, tetapi gaji tidak dipotong. Sama gajinya, berapa gaji di Federal begitu juga keadaan gaji dibayar di Sabah mengikut taraf pentadbiran di dalam Kerajaan kita, mahupun Kerajaan Negeri ataupun mengikut Kerajaan Pusat, yang mana telah diberi kepada kakitangannya. Ini tidak ada; tidak ada seorang pun. Saya ini datang dari Sabah dan saya tahu tidak ada orang yang tidak menerima gajinya. Tiap-tiap bulan dibayar gaji lebih, semuanya menerima dan tidak ada krisis semacam ini, cuma hanya dibuat, supaya bertambah buruk keadaan negeri, supaya negeri Sabah itu menjadi buruk. Padahal kemajuan di negeri Sabah itu nampak di mata kita. Apa yang ternyata dan ada menuduh kewangan Sabah seolah-olah disimpan ke Swiss Bank. Ini saya terkejut. Kewangan negeri Sabah dibawa lari ke negeri Swiss, tetapi kalau dibawa ke padang untuk memajukan tanah-tanah, bercucuk-tanam, membuat jalanraya, membuat segala bangunan-bangunan Kerajaan Negeri, membuat jalanraya untuk rakyat menggunakan setiap hari itu adalah betul, tetapi di negeri Sabah; bukan di Swiss Bank. Ini bukankah tuduhan palsu. Ini adalah tuduhan yang tidak bertanggungjawab sama sekali, Tuan Yang di Pertua.

Kerajaan Sabah dituduh akan menjadi satu "Singapura" lagi. Adakah betul dalam pandangan, dalam fikiran rakyat di Dewan ini. Adakah pendapat negeri Sabah begitu, untuk lari, untuk menjadi sebagai Singapura pula. Yang kita tahu negeri Sabah mempunyai 16 kerusi yang bersih di dalam Perikatan di dalam Dewan ini. Dan negeri itu telah menunjukkan taat setianya kepada Malaysia ini dari mulanya hingga sekarang. Bolehkah difikirkan Sabah biasa melarikan diri menjadi satu Singapura pula, yang taat setia di dalam Perikatan ini, mati hidup dalam Perikatan, kecuali Sabah ini dibuat, dikacau supaya bercerai dengan keadaan negeri dalam Malaysia Barat ini. Tetapi rakyat Sabah tidak begitu, Tuan Yang di Pertua, taat setia, mati dan tafakur, buruk yang datang, buruk yang menanti, taat setia kepada Malaysia, hidupnya makmur, mewah negerinya, walaupun tidak ada 100% semua kaya-raya, tetapi kemajuannya lebih kalau dipandang dari mata selepas kita memegang pemerintahan. Kalau dalam penjajahan kita nampak orang semuanya berjalan dalam lumpur, tetapi sekarang di negeri Sabah kita

nampak kampung-kampung boleh dapat digunakan kereta sampai ke kampung-kampung, kampung-kampung boleh mendapat lampu letrik. Semua sudah dapat. Kemajuan-kemajuan dalam pekan kita nampak apa yang ada di mata kita, 10 tahun baharu merdeka. Ini telah dituduh, negeri Sabah yang dapat begitu buruk. Ini semata-mata tidak sama sekali, Tuan Yang di Pertua.

Juga ada satu pertanyaan katanya konon ada seorang rakyat di Malaysia Barat ini bila masuk ke Sabah mestilah menggunakan visa. Betulkah masuk di dalam akal, tetapi kalau menggunakan immigration Passport—ada benar. Tuan Yang di Pertua, Sabah juga bertanya-tanya. Kita di dalam Malaysia, kita mestilah membawa passport ke Malaysia Barat, ke Kuala Lumpur, kita tunjukkan passport kita. Ini adalah soal pentadbiran, kekuasaan di tiap-tiap negeri. Kerajaan Negeri mempunyai kuatkuasanya berkenaan dengan kemasukan rakyat di antara satu wilayah ke satu wilayah. Kerajaan Pusat juga mempunyai kuatkuasanya berkenaan rakyat-rakyat Malaysia yang mempunyai warganegara masuk ke Malaysia Barat ini, mahupun dari Sabah ataupun Sarawak, juga mesti menunjukkan passportnya bila sampai di Kuala Lumpur ini. Rakyat Sabah juga bertanya semacam itu. Itulah kita mesti mempunyai passport yang kita dalam Malaysia, tetapi, Tuan Yang di Pertua, untuk keselamatan negeri itu mestilah menggunakan Perlembagaan masing-masing mestilah mempunyai kuatkuasa masing-masing kerana menjaga keselamatan negeri itu. Masukkan orang tidak seperti masukkan ikan ke dalam bubu sahaja, mestilah masukkan orang itu dengan peraturan, perlembagaan, mempunyai Perlembagaan Pentadbiran. Kalaulah Ahli Yang Berhormat itu lebih fasih di dalam soal Perlembagaan ini sepatutnya tidak timbul pertanyaan ini, kerana ada dalam Perlembagaan itu. Apabila kita melawat ke Negeri Sabah menggunakan paspot dan bila kami masuk ke Kuala Lumpur ini juga menggunakan paspot, tetapi kami tidak soal itu, tidak tanya sebab kami faham, mengerti, negeri kami tidak ada nasi dicampur bubur. Dengan itu kami adalah mengetahui, faham, mengerti tidak guna soal akan tetapi pentadbiran taat setia kepada Malaysia ini kerana soal negeri hilang begitu sahaja. Tetapi, Tuan Yang di Pertua, kadang-kadang dalam Jabatan Imigresyen kita

kerana diberi kuatkuasa itu tidak boleh menerima kadang-kadang masuk itu buruk keadaannya, merusakkan keamanan negeri kadang-kadang ditolak, kami pun kalau dari Negeri Sabah hendak datang di sini cuba merusakkan keadaan di Kuala Lumpur ini juga ditolak, tentu juga dihantar balik ke negeri kami ke Sabah kalau kami mempunyai tujuan yang tidak baik, tujuan merusakkan keamanan negeri, cuba membuat kekacauan dalam negeri, tidak menguntungkan kepada negeri, maka tentulah negeri yang berkuasa itu tidak menerima orang yang semacam itu. Kami bersedia kalau kami ini mempunyai tujuan yang buruk masuk ke dalam Malaysia Barat ini membawa tujuan untuk merusakkan negeri ini kami bersedia kalau dihantar, kami mesti balik begitu, ini adalah dalam Perlembagaan. Maka soal masing-masing itu ada di tangan tiap-tiap negeri dan di tiap-tiap Kerajaan Pusat juga mempunyai kuatkuasanya.

Dengan ini, saya tidak berniat hendak memanjangkan ucapan saya lagi cuma hanya memberi ulasan, memberi penerangan semacam ini ke Sabah itu betul tidak menggunakan visa cuma hanya menggunakan paspot, tetapi orang-orang yang diterima masuk ke Negeri Sabah itu mestilah mahu orang yang bersih, orang yang suci, orang yang baik untuk keselamatan negeri itu kerana Sabah adalah negeri yang aman dan damai.

Tuan Yang di Pertua, inilah sahaja ulasan yang dapat saya berikan supaya teguran-teguran yang palsu ini yang tidak bertanggungjawab tidak diterima oleh Dewan ini.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Yang di Pertua, saya suka mengambil bahagian untuk bersama-sama menyampaikan ucapan terima kasih kepada Ke bawah Duli Yang Maha Mulia yang sudi memperkenankan membuat Titah Ucapan di Majlis Parlimen pada 17hb April yang lalu.

Tuan Yang di Pertua, saya mengucapkan terima kasih juga kepada Duli Yang Maha Mulia kerana memperkatakan beberapa ucapan yang memang dikehendaki oleh rakyat dalam negeri ini. Dengan sebab ada tercatat di dalamnya beberapa perkara yang menjadi buah mulut rakyat di negara kita ini baik di bidang kedudukan matawang dan di bidang kedudukan taraf hidup dan juga kedudukan harga barang dan lain-lainnya.

Tuan Yang di Pertua, dalam masa yang akhir-akhir ini kita dapati bahawa sesungguhnya penghargaan perlu diberi kepada Kerajaan kita dari segi menjalankan urusan-urusan dan polisi yang berkait dengan luar negeri. Perhubungan yang dibuat oleh Kerajaan kita antara negeri-negeri bermacam-macam blok, samada dari barat, blok timur, blok berkecuali, kominis dan sebagainya adalah menunjukkan tentang dasar Kerajaan Malaysia sekarang ini yang memang benar-benarnya adalah memakai dasar berkecuali dan dasar ini diperjuangkan oleh Kerajaan kita di dalam negeri dan juga di luar negeri. Dan saya nampak, Tuan Yang di Pertua, dasar ini telah difahami oleh negara-negara yang ingin mengadakan persahabatan dengan kita. Dalil-dalil telah menunjukkan bahawa sesungguhnya sambutan-sambutan telah kita dapati daripada negara-negara luar dan baru-baru ini kita dapati bahawa pihak sebuah negara yang dinamakan Vietnam Utara telahpun mengadakan perhubungan dengan negara kita Malaysia dan ini satu penghargaan yang baik kepada polisi Kerajaan kita, khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia.

Tuan Yang di Pertua, dalam mengadakan perhubungan-perhubungan, maka memang menjadi biasa apakala banyak perhubungan, banyak pergaulan-pergaulan dan banyak persahabatan maka ada beberapa perkara yang perlu difikirkan kerana, Tuan Yang di Pertua, kalau di sana ada baiknya maka di sana juga tidak kurang buruknya dan ini harus difikirkan oleh pihak Kerajaan kita. Saya ingin mengingatkan oleh kerana perhubungan kita yang semakin luas sekarang ini, maka saya rasa alat-alat kita untuk mengawasi keselamatan negara haruslah benar-benar diperkembangkan dengan mengadakan kecekapan-kecekapan di segala bidang supaya, Tuan Yang di Pertua, perkara-perkara yang mungkin mendatangkan kerosakan negara di masa yang akan datang tidak akan bertunas di dalam negara kita.

Hal ini, Tuan Yang di Pertua, saya ingin membawakannya kerana maklum sahajalah macam-macam boleh jadi di masa yang akan datang kalau kita tidak awasi benar-benar. Apa yang kita mahu ialah perhubungan kita dengan negara-negara asing dan dengan negara luar adalah dalam konteks ataupun dalam babak untuk persahabatan dan me-

ninggikan taraf penghidupan dan taraf ekonomi di antara negara kita dan negara lain.

Tuan Yang di Pertua, dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia telah menegaskan bahawa sesungguhnya kita sekarang ini berada di dalam tahun yang ketiga dalam jangka Rancangan Malaysia Yang Kedua dan penekanan yang dibuat ialah dengan bertambah majunya negara kita di dalam bidang ekonomi. Hal ini tidak siapa dapat menafikan bahawa kedudukan negara kita adalah maju cuma sebagaimana yang telah kita tahu bahawa di dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua ataupun di dalam rancangan ekonomi kita yang baru ini adalah menjadi pasar kepada kita mahu membasmi-kan kemiskinan dan mengimbangkan antara yang berada dengan yang tidak berada. Ini adalah satu dasar yang amat baik dan semua rakyat menerima dasar ini. Cuma, Tuan Yang di Pertua, nampaknya walaupun kita telah berada di tahun yang ketiga, kedudukan tidak begitu banyak berubah di dalam perkara mengimbangkan antara yang berada dan tidak berada.

Dalam fasal meninggikan taraf hidup saya nampak ada beberapa perubahan telah berlaku di mana taraf hidup memang benar sebahagian rakyat telah mencapainya cuma sebagaimana yang kita tahu bahawa di negara kita ini ada beberapa gulungan, maka setengah gulungan yang lain itu masih belum merasa nikmat yang sewajarnya.

Tuan Yang di Pertua, dengan keadaan negara kita yang sekarang ini yang dikatakan maju dan dengan keadaan taraf hidup yang makin bertambah, ada golongan yang tidak sanggup menghadapi keadaan yang terlampau melambung cepat itu, iaitu golongan kaum tani dan nelayan. Mereka hanya mencari rezki dan pendapatan dengan usaha tenaga mereka sendiri dengan membanyakkan pengeluaran daripada sektor pencarian mereka sendiri untuk menambahkan pendapatan bagi menghadapi keadaan yang ada pada masa ini.

Tuan Yang di Pertua, memang menjadi kesulitan bagi mereka untuk menambahkan pendapatan kerana mereka tidak dapat membuat satu usaha yang benar-benar dapat menambahkan hasil pendapatan itu. Tidak seperti gulungan lain khususnya gulungan ahli perniagaan yang besar-besarnya, di mana dalam keadaan seperti ini bukan sahaja mereka

tidak terlibat dengan beban kesusahan, bahkan mereka mendapat untung. Kalau mereka mendengar keadaan kenaikan barang-barang, cukai atau krisis matawang luar negeri, maka mereka menaikkan harga barang-barang dengan sesuka hati sedangkan gulungan lain terpaksa memikul beban.

Gulungan kedua, saya anggap pendapatan yang sederhana ialah pegawai-pegawai Kerajaan dan pekerja-pekerja buruh yang mempunyai kesatuan sekerja. Mereka boleh bertahan menghadapi masalah kenaikan taraf hidup di negara ini dengan mendesak majikan atau Kerajaan untuk menaikkan gaji dan kalau dengan persetujuan bersama, maka gaji mereka itu dinaikkan. Tetapi gulungan tani dan nelayan tadi tidak ada tempat hendak mendesak, hanya merayu dan merayu kepada Kerajaan supaya memodenkan cara pengeluaran mereka dan selain daripada itu memohon dan meminta kepada Allah s.w.a. supaya mereka dapat rezki yang banyak.

Tuan Yang di Pertua, perkara ini perlu diperhatikan oleh pihak Kerajaan dengan sebenar-benarnya kerana jika dibiarkan mungkin gulungan yang memang terdiri daripada orang yang kurang bernasib baik itu akan membuat sesuatu yang tidak menyenangkan kita.

Tuan Yang di Pertua, saya gembira dengan penegasan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 17-3-1973 yang mengatakan cara menentang gerakan subversif di sesuatu negara tidak dapat dengan kekerasan melainkan dengan mengatasi penderitaan yang timbul daripada kesulitan sosial dan ekonomi rakyat. Ucapan Perdana Menteri itu cukup bernas dan harus dijadikan pegangan kita dalam menjalankan pentadbiran negara.

Tuan Yang di Pertua, bagaimana saya katakan tadi dua gulungan kaum tani dan kaum nelayan adalah gulungan yang terbesar, bukan gulungan kecil di negara ini. Mereka tidak pandai bercakap banyak dan tidak pandai merayu, tidak pandai memujuk untuk mendapatkan taraf hidup mereka. Bahkan mereka mengatakan bahawa mereka adalah gulungan yang dhaif dan mereka membeli beras hanya secupak pada setiap masa, mereka tidak membeli secara gantang, pikul atau guni. Dalam keadaan negara semacam ini, mereka mengeluh dan saya sendiri terpaksa memikul beberapa bebanan

yang berat, maklumlah penduduk di tempat saya sendiri terdiri sebilangan besarnya adalah dari kaum tani dan nelayan di mana pada masa ini mereka cukup menderita dan boleh diperiksa bahawa rumah mereka adalah beratap daun kelapa yang dicucuk dengan pelepah kelapa dan dijadikan atap, di setengah tempat atap nipah, di setengah tempat lagi atap dan dindingnya dari daun kelapa. Hal ini hendaklah difahami oleh pihak yang berkenaan khususnya menteri yang bertanggungjawab dalam bidang ini.

Tuan Yang di Pertua, mengikut pandangan Islam mengatakan iaitu doa orang-orang yang miskin adalah dimakbulkan Tuhan. Maka inilah perkara yang kita takut sama sekali sedangkan di sana ada segulungan manusia yang memang kerjanya untuk merusakkan negara dengan menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat bagi menentang Kerajaan samada melalui demokrasi ataupun sebaliknya. Hal ini perlu diambil perhatian oleh pihak berkenaan untuk keselamatan negara kita pada masa yang akan datang.

Selain daripada itu, saya ingin menyatakan sedikit di sini tentang sokongan saya atas tindakan Kerajaan dan merayu kepada negara-negara yang mengancam ekonomi negara kita kerana baru-baru ini ada tersiar berita bahawa dua buah negara iaitu Amerika dan Jepun mahu menjual getah tiruan dan simpanan bijih mereka di pasaran dunia di mana negara kita memang terlibat dalam hal itu. Saya rasa di masa yang akan datang kita akan menghadapi keadaan yang sukar khususnya rakyat yang terdiri daripada gulungan-gulungan ini.

Tuan Yang di Pertua, sekarang kita gembira untuk sehari dua kerana getah telah naik dan sebaliknya kita akan berdukacita di masa akan datang kerana harga getah akan turun disebabkan ancaman yang dibuat oleh dua buah negara itu. Dan kata Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam akhbar, sebagai orang kaya, janganlah negara-negara itu kedekut sangat. Saya rasa memang tepat kita berkata begitu kepada dua buah negara yang mahu menjual getah tiruan ke pasaran dunia itu.

Saya mencadangkan supaya kita mengadakan satu rombongan terdiri daripada orang yang boleh berdailog dan berunding dengan dua buah Kerajaan itu supaya tidak menggunakan ancaman seperti itu kepada negara

kita ini, dan kalau boleh janganlah menjual getah tiruan dan simpanannya itu sebab mereka mengatakan bersahabat baik dengan Malaysia. Kalau sudah sahabat baik bagaimana sanggup menikam dari belakang. Saya rasa tak sepatutnya dua buah Kerajaan itu menikam Malaysia dari belakang dengan melumpuhkan ekonomi kita pula di masa yang akan datang.

Saya ingin mengatakan pula dalam perkara yang berkaitan dengan Kementerian Kebajikan Am, walaupun Kementerian ini baru dipegang oleh Menteri baru, tetapi saya ingin menarik perhatiannya juga, kerana ada beberapa masalah yang perlu saya sebutkan. Pertama sekali masalah gulungan janda yang suaminya telah meninggal dan mempunyai anak yang banyak, tetapi tidak mendapat bantuan, kalau diminta, maka jawapan yang diberi oleh pihak berkenaan mengatakan mereka masih muda dan tak boleh mendapat bantuan. Saya harap perkara ini harus diambil perhatian, kerana memang sulit hidup benar kepada gulungan-gulungan ini, bukanlah mereka tidak mahu bekerja tetapi tidak ada kerja yang boleh dapat, kalau boleh pihak Kementerian Kebajikan Am dapat menolong mencari pekerjaan pada orang-orang yang seperti ini, bukan mestinya bergaji mahal, tetapi bergaji sederhana bagi menyara hidup anak mereka kerana kematian suami-suami mereka. Ini adalah kejadian-kejadian yang benar yang ingin saya memperingatkan kepada Menteri yang berkenaan.

Demikian juga masalah-masalah lelaki tua yang mempunyai isteri dan mempunyai anak, tetapi tidak berdaya untuk mendapatkan pekerjaan. Ini pun begitu juga. Mereka telah tua tidak boleh bekerja kuat tetapi ada anak, ada isteri, bagaimana cara hendak hidup dan hal ini harus diambil perhatian sebaik-baiknya dan diberi bantuan dengan sepenuhnya untuk kehidupannya mereka dan kalau boleh dicarikan pekerjaan yang sederhana bagi mereka dapat menyara hidup mereka sendiri.

Satu perkara yang ingin saya sebut lagi ialah tentang orang muda—orang yang muda yang miskin menjadi masalah juga kerana mereka benar-benar miskin. Daftar di Pejabat Buruh tetapi tidak dapat pekerjaan, tunggu-tunggu giliran tidak dipanggil, 5 bulan tidak dipanggil lagi sedangkan mereka miskin. Kadang-kadang yang dipanggilnya dan diberi kerja orang muda yang ayahnya

ada mempunyai pendapatan yang tetap, sedangkan orang muda yang miskin ini tinggal begitu. Pergi ke sana dan ke mari dengan tidak ada pekerjaan. Saya rasa, ini pun Kementerian Kebajikan Am patut mengambil berat dengan memberi sedikit bantuan jika perlu dan seboleh-bolehnya mencarikan pekerjaan dengan secara segera pada mereka.

Tuan Yang di Pertua, masalah yang ingin saya perkatakan lagi ialah tentang pelajaran cara sepintas lalu. Nampaknya yang menjadi issue politik yang besar di akhir-akhir ini ialah, tentang keputusan MCE/SPM yang berakhir pada tahun 1972 di mana ada beberapa kegagalan berlaku dalam soal Bahasa Kebangsaan. Sepatutnya, dalam masalah bahasa ini, tidak siapa pun dapat hehuhkan lagi kerana Bahasa Kebangsaan ini diterima oleh sebahagian besar rakyat Malaysia dan telah dijadikan satu undang-undang dalam Pindaan Perlembagaan di mana bahasa Malaysia adalah satu perkara yang sensitif yang tidak perlu dibangkitkan lagi oleh semua gulungan, sebab kita berada di dalam Malaysia dan kita bersetuju bahawa bahasa Malaysia adalah menjadi bahasa rasmi negara kita. Jadi kalau sudah undang-undang, pinda Perlembagaan, unkit lagi, bangkitkan lagi, maka sampai bila pun tidak jadi, sampai bila pun tidak selesai. Saya kira hal ini tidak perlu dilayan lagi kerana tidak boleh semacam itu. Kalau siapa pun hendak lulus, biar dia belajar betul-betul. Sebagaimana orang Melayu yang hendak lulus jadi doktor, saintis terpaksa dia belajar betul-betul. Kalau dia gagal tidak kira Melayu, tidak kira India, siapa gagal tidak boleh menjadi doktor, tidak boleh menjadi ahli saintis, tidak boleh menjadi engineer. Demikianlah keadaannya.

Saya rasa, Tuan Yang di Pertua, pihak Kerajaan harus mengambil pandangan yang tegas dan memberi penjelasan yang benar-benar, kalau boleh, orang-orang yang tertentu supaya mereka faham bahawa masalah ini adalah masalah semua orang dan tidak perlu kita bisinkan. Kalau bising tentang murid gagal, kita adakan guru yang banyak, kita adakan buku yang banyak, alatan yang cukup, itu baik. Kalau hendak kira, hendak dirombak setiap masa tentang cara peperiksaan sudah tentulah sulit. Ini tidak puas hati tentang kegagalan peperiksaan dan dirombak pula cara itu, dibuat cara lain.

Tahun akan datang begitu juga, maka saya rasa, ini menjadi kesulitan daripada pentadbiran negara kita.

Tuan Yang di Pertua, dalam masalah sains di sekolah rendah atau di sekolah-sekolah di mana sekolah aliran sains sekarang ini pun menjadi satu masalah yang perlu difikirkan oleh pihak Kementerian Pelajaran sendiri, kerana sekarang ini memang digalakkan anak-anak pergi belajar sains, tetapi kalau kita pergi tengok kelengkapannya tidak cukup, guru sains pun tidak cukup dan saya rasa kadang-kadang mendatangkan terbelakalai ataupun menjadikan satu perasaan dukacita kepada murid-murid yang masuk aliran itu yang tidak cukup dengan alat-alat apakala diadakan peperiksaan, akhirnya gagal. Dan saya dapat tahu bahawa ramai murid-murid dari institusi-institusi tinggi telah gagal dalam bidang sains kerana tidak cukup alatan. Saya rasa membanyakkan sekolah-sekolah rendah sains itu baik, tetapi janganlah ada kekurangan alatan dan gurugurunya. Saya dapat rayuan tentang kekurangan-kekurangan alatan ini pada guruguru yang berkenaan dan mereka menceritakan bagaimana hendak mengajar kalau alatan tidak cukup, guru pun tidak cukup—ini satu masalah. Nanti yang dikejar tidak dapat yang dikendong keciciran.

Selain daripada itu, ingin saya menyebutkan tentang Kementerian Kesihatan iaitu dalam masalah perancangan keluarga. Nampaknya pihak Lembaga Perancang Keluarga sekarang ini kuat benar berkempen untuk memajukan perusahaannya iaitu menjual pil dan alat-alat perancang keluarga.

Yang pertama sekali, saya rasa perancang keluarga ini memang ada beberapa masalah, kerana saya dapati pihak Lembaga Perancang Keluarga memberikan kepada pengguna-pengguna perancang keluarga ataupun alat-alat perancang keluarga dengan tidak diadakan peperiksaan yang begitu rapi. Kadangkadangkang pemeriksaan dengan cara lebih kurang sehingga ada terdapat bahawa memakan pil perancang keluarga mendatangkan rusak kesihatan iaitu ada setengah-setengahnya kalau dahulu kurus, apakala mengamalkan pil perancang keluarga dalam masa dua tiga bulan menjadi gemuk, gemuk itu bukan gemuk sihat, gemuk yang tidak sihat. Apa yang dikatakan oleh orang kampung ialah gemuk air.

Yang kedua, ada pula setengah itu menjadi kurus, pucat bibirnya dan yang paling dukacita, ada yang mendatangkan kerusakan dalam beberapa hal tempat yang tertentu.

Ini harus dijaga benar-benar oleh pihak Lembaga Perancang Keluarga Kebangsaan, jangan kerana hendak jual pil sehingga rakyat kita rosak, khasnya rakyat luar bandar. Sebab rakyat luar bandar dia kurang, tidak banyak kesihatan dan tidak banyak makanan zat. Jadi oleh kerana pil itu kuat di dalam tubuh maka kesihatan terganggu kepada orang luar bandar. Memang banyak berlaku kejadian seperti ini. Saya dapati ada orang-orang yang telah pergi ke hospital kerana hal ini dan kadangkadangkang terpaksa pergi berjumpa bidan kampung pula kerana berubat akibat makan pil perancang keluarga. Saya minta supaya diambil perhatian hal ini, khasnya di kalangan orang-orang Melayu dan orang kampung dan biarlah perancang keluarga ini dikurangkan sedikit kempennya, jangan hebat sangat, kerana orang-orang kampung sudah kurang, bukan orang-orang kampung banyak, Tuan Yang di Pertua. Kalau di kampung saya, ada beberapa buah kampung yang kampung itu mati kerana penduduk-penduduknya itu makin kurang, sebab orang-orang kampung ada mempunyai akar-akar kayu yang boleh lebih baik

Tuan Yang di-Pertua: Sudah habis fasal orang kampung, berbalik pula keperancang keluarga. Masa sudah suntuk. Setengah jam sudah bercakap, berbalik-balik.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Baharu setengah jam, Tuan Yang di Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak beri peluang bercakap lama-lama, sebab ada Ahli lain yang hendak bercakap.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Saya harap perancang keluarga ini harus diawasi benar-benar.

Tuan Yang di Pertua, dalam perkara Kementerian Kerja Raya dan Tenaga, saya minta supaya Kementerian tersebut apabila membuat sesuatu perkara biarlah sudah. Tidaklah bermakna dibuat dalam bulan ini satu jalan, esok gali kerana hendak masukkan paip air, lepas itu buat satu tempat, gali pula. Ini bererti kerja yang dibuat tidak sudah, pada hal belanja terpaksa kita

keluarkan. Dan suka juga saya hendak menarik perhatian bahawa dahulu saya telah memberitahu kepada pihak yang berkenaan berhubung dengan jambatan di tempat saya yang dibuat oleh Jabatan Kerja Raya, sekarang ini sudah hendak runtuh. Dahulu saya teah bercakap maka jawapan yang diberi akan dibaiki. Apakala dibaiki, datang banjir yang kemudian ini, sudah hendak runtuh. Sekarang ini orang ramai cukup takut, kalau ditakdirkan runtuh, kebetulan lalu lori atau bas, maka mungkin kejadian yang tidak sihat akan berlaku. Saya minta Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya mengambil tindakan segera membuat jambatan di daerah saya iaitu di Daerah Dungun. Kalau runtuh dukacita, Tuan Yang di Pertua, sebab di situ pernah terjadi, lebih kurang 20 orang telah mati waktu berlaku trajidi feri dahulu. Kalau jambatan ini runtuh berpuluh-puluh orang akan mati pula, jatuh dalam sungai.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Penerangan kerana menjalankan operasi Maulud Nabi Muhammad s.a.w. baharu-baharu ini secara yang baik dan saya angkat tangan kepada Jabatan Talivisyen dan Radio yang telah begitu baik menyusun untuk menjayakan siaran-siaran berhubung dengan hal Maulud Nabi itu. Dan satu perkara yang saya ingin minta dengan Jabatan Penerangan itu ialah di waktu Maghrib, di ruangan talivisyen biarlah kurang rancangan-rancangan yang disukai oleh orang-orang tua. Di waktu Maghrib untuk kanak-kanak, di waktu Maghrib orang-orang tua hendak sembahyang, kalau ada rancangan-rancangan yang digemari oleh mereka kadang-kadang mereka asyik menegok talivisyen itu, sembahyang pun tidak buat.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Sembahyang itu yang wajib.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di Pertua, ada yang suka tengok talivisyen, jadi kadang-kadang asyik tengok habis waktu, tinggal sembahyang. Saya minta supaya diedarkan masa Maghrib itu untuk kanak-kanak bukan untuk orang tua.

Itu sahaja ucapan saya dan saya bersama kawan-kawan yang lain menyokong di atas Ucapan Terima Kasih atas usul yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari

Tumpat iaitu ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ke bawah Duli kerana sudi membuat Titah Ucapan di Parlimen tempoh hari.

Tuan Mohamed Arif bin Salleh (Sabah Dalam): Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong sepenuhnya usul mengucapkan terima kasih kepada Titah di Raja kepada Dewan ini dan sukalah saya bercakap atas perkara-perkara yang berkaitan dengan Titah di Raja itu dan beberapa perkara yang telah dibangkitkan di dalam Dewan ini.

Saya mengambil peluang mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan yang ber-sungguh-sungguh untuk hendak meninggikan taraf dan penghidupan rakyat di negeri kita ini dengan mengadakan berbagai-bagai rancangan yang dinikmati oleh seluruh rakyat Malaysia.

Tuan Yang di Pertua, seperti yang sama-sama kita maklum, salah satu faktor yang dapat membantu rakyat terutama di kawasan luar bandar ialah mengadakan kemudahan perhubungan di antara satu daerah dengan satu daerah yang lain. Dalam hal ini, sukalah saya menarik perhatian kepada Menteri Kerja Raya dan Tenaga mengenai pembinaan jalan raya di negeri Sabah. Jalan raya yang penting di negeri itu ialah perhubungan di antara Kota Kinabalu dan Bandar Sandakan dan Bandar Kota Kinabalu dengan Keningau. Saya rasa, ada baiknya kalau Kementerian ini dalam mengkaji Rancangan Malaysia Kedua memberikan keutamaan kepada pembinaan jalan ini, kerana ketiga-tiga bandar yang mustahak ini pada masa ini hanya dihubungi dengan jalan udara dan juga dengan kenderaan-kenderaan berat melalui jalanraya yang belum siap. Dengan siapnya jalan raya ini tentu dapat meringankan bebanan rakyat terutama bumiputra yang duduk di kawasan pedalaman yang sering ditimpa berbagai-bagai bencana alam. Begitu juga jalan yang menghubungi di antara daerah Lamag dan Lahad Datu yang saya ketahui tidak termasuk di dalam rancangan Kementerian ini.

Tuan Yang di Pertua, saya berharap juga Kementerian Perhubungan supaya meluaskan perkhidmatan talipon di daerah-daerah yang sukar dihubungi di negeri Sabah dan saya percaya kiranya perkara-perkara yang seumpama itu dapat diberi keutamaan tentulah

rancangan Kerajaan untuk menambah pengeluaran negara akan dapat bertambah, sesuai dengan apa yang telah dititahkan kepada Dewan ini pada 17 haribulan yang lalu.

Tuan Yang di Pertua, suka juga saya menyentuh berkenaan dengan kenaikan harga barang yang melambung tinggi di negeri Sabah dan juga di lain-lain tempat di negeri ini. Saya berseru kepada Kementerian yang berkenaan supaya mengkaji sistem mengadakan tanda harga, kerana ada terdapat dengan adanya tanda-tanda harga itu pihak-pihak penjual yang tamak telah menggunakan kesempatan ini untuk menaikkan harga barang-barang. Saya tidak tahu kawalan harga ini adakah bermaksud mengawal harga barang atau semata-mata hendak tahukan harga barang-barang itu. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, ada setengah-setengah pekedai yang menggunakan tanda harga berlain-lainan di satu masa ke satu masa, dan apabila rakyat membeli barang-barang tersebut terpaksa membayar menurut tanda harga yang telah ditetapkan pada barang-barang itu sedangkan barang-barang tersebut boleh dibeli dengan harga yang lebih murah sebelum adanya tanda harga. Rakyat kita terutama di kawasan pedalaman begitu juga setengah-setengah di kawasan bandar terpaksa menerima kerana pihak pekedai memberikan alasan bahawa harga itu telah ditetapkan oleh Kerajaan. Saya suka mengesyorkan kiranya boleh pihak Radio dan T.V. diajak mengambil bahagian sama dalam menyatakan harga barang-barang itu. Dengan berbuat demikian, rakyat akan mendapat tahu apakah sebenarnya maksud Kementerian mengadakan tanda harga dan kalau boleh pihak T.V. dan juga Radio menyiarkan harga barang-barang yang dikawal seperti beras, gula dan barang-barang keperluan hari-hari.

Tuan Yang di Pertua, sebagai Wakil Rakyat di negeri Sabah inginlah saya menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Pusat yang telah membantu Kerajaan Sabah bagi mengurangkan penderitaan rakyat yang telah menjadi mangsa kemarau baru-baru ini di negeri Sabah. Bantuan-bantuan yang telah dihantar oleh Kerajaan Pusat itu telah meringankan bebanan yang ditanggung oleh rakyat negeri Sabah, dan sepanjang yang saya ketahui rakyat yang berkenaan telah

diberikan bantuan yang seperlunya, adalah tidak benar sama sekali malahan tidak berasas langsung tuduhan yang dibangkitkan dalam Dewan ini oleh Wakil dari Dato Kramat pada hari semalam yang mengatakan rakyat di Sabah diberi makan jagung manakala beras dihantar ke negeri lain. Tuduhan ini saya anggap satu penghinaan bukan sahaja kepada rakyat Sabah, tetapi kepada Kerajaan Malaysia sendiri. Saya yakin bahawa kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Wakil dari Dato Kramat itu diterima dari kabar-kabar angin dan beliau sendiri menjadi penyibar kabar-kabar angin.

Dalam lain-lain perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu mengenai soal imigresen, di sini nyatalah bahawa Ahli Yang Berhormat itu adalah terlalu jahil dalam soal Perlembagaan negaranya sendiri. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat itu kami di Sabah tidaklah hidup dengan Undang-undang Rimba (Jungle Law) segala yang dijalankan di negeri itu adalah berdasarkan kepada Perlembagaan Negara dan juga Perlembagaan Negeri itu sendiri, dan sekiranya Ahli Yang Berhormat itu tidak bersetuju, maka bawalah usul bagi memindanya.

Tuan Yang di Pertua, satu tuduhan yang saya anggap mempunyai unsur yang terlalu jahat yang dikeluarkan oleh Ahli Yang Berhormat apabila ia mengatakan Sabah akan menjadi seperti apa yang telah berlaku kepada Singapura. Saya rasa, kenyataan ini adalah keterlaluan dan berlawanan dengan Prinsip Rukunegara. Kedudukan Sabah sebagai sebuah negeri di dalam Malaysia adalah satu perkara yang tidak ada keraguan sama sekali, malahan kesetiaan rakyat Sabah kepada Negara dan Raja tidaklah berbelahbagi malahan lebih kukuh dan teguh daripada kesetiaan Ahli Yang Berhormat itu sendiri yang sentiasa menyanjung tinggi negara asing seperti Singapura dan Amerika.

Saya suka menasihatkan Ahli Yang Berhormat wakil dari Dato Kramat belajar semula berkenaan dengan Perlembagaan Malaysia dan Perlembagaan Negeri-negeri yang ada di dalamnya sebelum bercakap atas perkara-perkara yang ia sendiri tidak mengerti. Dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu kami rakyat di Sabah adalah hidup dalam rukun aman damai dan saya berdoa barang dijauhkan Allah ada manusia-manusia seperti Ahli Yang Berhormat itu di negeri Sabah.

Tuan Yang di Pertua, sekian. Terima kasih.

Tuan Edmund Langgu anak Saga (Saratok): Tuan Yang di Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam usul yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong pada 17hb April, 1973.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, I wish to be identified with the past speakers from the D.A.P. and Pekemas who had spoken to express their Parties' sentiments on the grave and important issue regarding the high rate of failures in the 1972 Malaysian Certificate of Education or Sijil Pelajaran Malaysia Examination, brought about because of the compulsory passes in the Science, Mathematics and Bahasa Malaysia Papers which are necessary to obtain the Certificate. In Sarawak, Sir, we are not greatly affected. We had only 54 entrants to this examination. Not one of them obtained a grade one pass as far as I can learn, and out of this 54 entrants there were 14 passes, five obtained the full certificate and 9 passes at G.C.E. level. This shows that something is very wrong somewhere and my Party wishes to take this opportunity to express its regrets that no mention were made in His Majesty's Address on this matter of grave and public importance.

I am aware that as far as Sarawak is concerned, we are still covered by the I.G.C. Report on Education. But we feel that, Sir, if this very important matter is allowed to settle down by itself without the Government taking serious and immediate steps to ensure that something is being done to improve the situation, then in the long run our people in this country will be greatly and adversely affected. If the matter is allowed to get out of hand it will become a national calamity. I therefore, Sir, urge the Federal Government to look into this problem of this high rate of M.C.E./S.P.M. failures and take immediate and appropriate steps to remedy the situation. I suggest that a Parliamentary Committee be set up to look into this matter and report to this House. If sex films merit the attention of this House, then why not the future of our very young citizens, the majority of whom had failed

their M.C.E./S.P.M. examination, and in future will fail if we do not take the necessary steps now.

While on the subject of education, it is not improper for me to state in this House that with the implementation of the Sarawak's Teachers Schemes, there were found certain people who had been left out of the scheme and that certain sections of the teaching professions had complained that the scheme does not fully benefit them. I am talking of the temporary school clerks, school gardeners and so on, and in particular the complaints made by graduate teachers with Honours degree. I am sure the State Government will look into the matter and make certain arrangements with the Federal Government to eliminate such feeling of having been denied the benefits or the full benefits of the scheme or from losing from its implementation.

Local authorities

While noting that the Government is intending to restructure the local authority bodies to bring about a more effective administration by the local authorities in Local Government, I wish to bring to the attention of the Federal Government on matter that has worried most local authorities in Sarawak. I am glad that the Honourable Minister of Local Government comes from Sarawak and therefore he will undoubtedly understand what I intend to say here.

I regret to note that the Fund known as the Federal Government's share in lieu of rates for the years 1971, 1972 and 1973 has remained unreleased by the Federal Government to the local councils in Sarawak. This Fund is to assist the State Government in Sarawak to pay the economic rents on Federal Government buildings to the local councils in which areas these buildings are sited. This non-payment by the Federal Government had greatly contributed towards the financial difficulties of the smaller and more rural councils which have to find money to pay for these federal economic rent elsewhere out of their own sources. This thereby incapacitated some of these councils and impeded such councils from carrying out certain duties to their localities. I should be grateful if the Honourable Minister of Technology, Research and Local Government

will kindly explain the situation and urge the Federal Government to come out with the payment as soon as possible.

Industry

His Majesty had mentioned in his Gracious Speech that his Government had opened more industrial areas throughout the country to attract industries. This had resulted in the siting of industrial activities in the rural areas.

I regret, Sir, that His Majesty's intention has not been translated by His Government in the State of Sarawak. In Sarawak, industries are mainly located and therefore found in and around the big towns. As this is the case in Sarawak, I therefore venture to suggest that the Government should carry out an industrial survey in Sarawak to determine the industrial potentials of Sarawak's rural areas. This will bring about a properly planned industrial development which will benefit the poor rural people who are being denied direct participation in our industrial development efforts unless they migrate to the towns. More jobs will be created and this will be in line with the aim of our New Economic Policy to bring industries to our rural areas, especially in Sarawak.

At the moment, Sabah and Sarawak import a great number of industrial and manufactured products from the Malaysian Peninsula on which import duties are levied. This resulted in the peoples in these two States having to pay more for the same goods than their brothers in the Peninsula. This being the case, I feel that there is a great need to site certain factories in East Malaysia which mainly require their primary production supplies locally. This will encourage a balanced exchange in export and import between East and West Malaysia and prevent East Malaysians having to suffer from the present high cost of living and inflationary prices of goods they have to get from West Malaysia. It is very unfair on East Malaysians to leave the situation as it is at the present. This is also allowing one section of the country, the greater half, to be the dumping grounds for the other. This is not conducive to good relations and is incompatible with our aim at a just and fair society.

Agriculture

On the agricultural sector, many Malaysians must be sighing with relief that the price of rubber had improved tremendously these past few months. However, Sir, there is a cloud on the horizon unless we are able to prevent the calamity of the Americans dumping their rubber stockpiles and strategic reserves onto the rubber world market. I sincerely hope that if this has to be done, then we should ask the Americans to consider doing it by stages so as not to upset the present market. If this done suddenly then both stand to lose.

I regret to note that there is no mention of one of our very important agricultural industry. I am talking about the pepper industry. I am glad however to note that the Federal Government has placed great importance on this industry by providing large sums of money to properly utilise this sector of our economy. At this juncture, I wish to point out that there is a great need to go into research into the planting of pepper to eliminate root diseases and find better wonder strains of pepper vines.

In the planting side, I wish that the Government will consider giving full subsidies to the smallholders who cannot afford to grow pepper if left on their own. At the moment, Sir, in Sarawak, Government subsidy is being done or given on a trial basis. There is great room to improve on the present system of granting approvals on subsidies.

My colleagues and I in past meetings of this House had several times spoken on agriculture. At this stage, I therefore need only mention about rice. At the moment Malaysians in Sarawak are suffering in having to face a bleak season of bad harvest brought about by the recent droughts. At the same time, due to the new quota system whereby import of rice are licensed according to quotas, this tended to bring up the price of rice in the shops. It is the people, the consumers who suffer in the inflation of rice price. In Kuching, Sir, Kedah rice fetches a price of \$2.70 to \$2.90 per gantang and Thai Rice (seventy-five percent white) fetched a price \$3 to \$3.50 per gantang. In the rural areas, where the main consumption is local rice, some people can do without imported rice in times of good harvest. But this year, our rural people will suffer, having to pay for \$70 to \$80 per standard bag or about 60

cents per kati of Kedah rice in rural shops and rural towns. I hope the Government will look into this matter urgently and distribute rice or sell Government stock directly to the people in such a case of emergency as the people are facing now. Where they are unable to pay immediately, a loan till the next harvest, to be paid in rice should be considered as a short-term and drastic measure to help the poor farmers now.

I am very glad to note that His Majesty has placed great emphasis on the health of our people, particularly for those in the rural areas. With this in mind, Sir, the rural people in Sarawak in particular, I therefore hope that more and more District Hospitals, sub-health centres, clinics and dental cares will be constructed and made available in Sarawak's rural areas. I have often spoken of the great need to construct a Hospital at Saratok Town, in my own constituency, but so far there is nothing of this to be heard or seen yet. I hope the Government will show its sincerity in accordance with the wishes of His Majesty and build one District Hospital at Saratok this year, and provide more dental cares and dental clinics to school children in rural schools.

At the same time, I hope more assistance will be given for the school feeding programmes, particularly to the rural children in Sarawak. This will ensure a healthy society in future. This is because our young people are our future hopes.

Feeder Roads

I have often stressed the great importance of constructing more feeder roads in Sarawak's rural areas. This is necessary if we are to open up more lands for development and therefore make it easy for the flow of agricultural produces from the rural areas to the nearest markets and later for manufacture or for exports. I recall that the Ulu Krian Road had been approved and \$200,000 were allocated for its preliminary construction. However, it is regretted that this road, which is a vital link for so many longhouses to the nearest town in Sarawak's Second Division, in my constituency of Saratok, has not been implemented. I therefore urge the Federal Government to seriously consider giving assistance again to the State Government in the construction of feeder roads as had been previously done.

We all realise that road construction is a very costly thing and State Government cannot possibly carry out as many road projects as it wants because of the lack of funds and qualified personnel.

I have noted with regret, Sir, that the State Coalition Government appear to have stopped with the rural electrification scheme in Sarawak and therefore did not allocate for such further expansion of the scheme this year. In Saratok town in the Second Division of Sarawak, the electricity is supplied by a private company which is charging very high and exorbitant price per unit of current used. At one stage the people in the town and the nearby Malay kampungs boycotted the electricity supply and it was pitiful to see Saratok town being lighted by candles and gas lamps.

Representation has been made to the State Minister on this and I am sure he is pursuing the matter urgently before ill-feeling is created. As a remedy, I suggest that the Sarawak Electricity Supply Corporation should take over. A monopoly of this nature is bound to be abused, especially where it involves giving essential services to the public. I hope that the Federal Government will undertake a survey in hydro-electricity in Sarawak soon so that cheap power may be available in the rural areas to encourage the setting-up of industries in the rural locations.

Datuk Khoo Peng Loong (Bandar Sibul): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, it is most reassuring to hear from His Majesty the Yang di Pertuan Agong the reiteration of the Government's policy of bringing up the standard of living for all of us, creating more jobs for the unemployed, encouraging the setting up of big and small industries throughout the country and equal distribution of opportunities for all. These measures will no doubt bring about a more united nation.

Sir, Sarawak with its large area and lacking in such infra-structure necessary for development should be given special consideration. Experience has shown that industries set up in Peninsular Malaysia may serve the States here, but no advantage is accrued to Sarawak and Sabah as we in Sarawak and Sabah have always to pay extra in terms of freight, handling and other transport charges.

The Central Government, Sir, can do either one of the two things or both. It can relax import of foreign manufactured goods which are cheaper than those produced in Peninsular Malaysia or it can insist industries having the Sarawak and Sabah markets, to set up subsidiary industries in these States of get them to underwrite the extra charges.

Mr Speaker, Sir, since there is hardly any outward cargo from Sarawak to Peninsular Malaysia, the ship that carries goods to Sarawak even if fully loaded will come back empty, thus she is only half loaded for one whole journey. At present our export goods are either shipped direct to overseas purchasers or to Singapore which can provide special stevedoring facilities and credit facilities. These have taken many years to build up. I would therefore, urge that Government should concentrate on these to ensure that not only good port facilities are set up in Johore, but banking and credit facilities which are essential in our type of business are there also. The time has come for the public and private sectors concerned with these to get together to work out a programme. I think the Government should initiate this, the sooner the better. There is no better time than now.

Mr Speaker, Sir, I welcome the establishment of the Social Security Scheme for workers. I understand that this scheme, however, is applicable to workers in Peninsular Malaysia only. Politically, it is not good for workers in Sarawak and Sabah to feel being neglected or left out of these benefits. I would appeal to the Central Government to examine and find ways and means whereby all the social benefits enjoyed, or to be given to the citizens in Peninsular Malaysia, will be extended to Sarawak and Sabah. This will promote the feeling of oneness and sense of unity.

Tuan Richard Ho Ung Hun (Sitiawan): Tuan Yang di Pertua, ucapan ringkas saya didahului dengan permohonan saya supaya saya diberi keizinan berucap dalam bahasa Inggeris juga mana-mana yang sesuai dan perlu.

Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong usul yang ada di hadapan kita atas nama Ahli Yang Berhormat dari Tumpat, akan tetapi di samping itu adalah menjadi kewajipan saya untuk menyampai-

kan sedikit sebanyak teguran-teguran yang telah terdengar di kalangan Malaysian-malaysian keturunan Cina untuk perhatian Dewan yang mulia ini. Teguran-teguran ini telah terdengar di mana-mana sahaja sejak ucapan Ahli Yang Berhormat dari Tumpat disiarkan dalam akhbar-akhbar kita dan dalam pendapat saya adalah wajar sekiranya Kerajaan kita mengambil perhatian yang sesuai di atasnya demi untuk perpaduan dan keharmonian antara kaum negara kita.

Saya tahu akan hal perhubungan diplomatik dengan Republik Rakyat Cina yang telah disentuh berulang-ulang, baik oleh pihak Pembangkang mahupun oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari sebelah sini dalam Dewan.

Tuan Yang di Pertua, saya percaya oleh sebab kerapkalinya perkara ini disebut, maka Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pun hampir menjadi bosan kerana terpaksa memberi jawapan atau kenyataan tentang perkara ini. Saya sangat bersetuju dan bersependapat dengan Ahli Yang Berhormat dari Tumpat apabila beliau mengatakan bahawa perhubungan diplomatik ini akan membawa faedah besar kepada rakyat Malaysia sekurang-kurangnya Malaysia akan mendapat jual getah, bijih, minyak kelapa sawit dan lain-lain terus-menerus kepada negara-negara ini. Malangnya saya kurang bersetuju dengan beliau dan saya bacakan di sini: "Hasil atau tidak perhubungan diplomatik di antara Malaysia dengan negeri yang tersebut itu bergantunglah kepada rakyat Malaysia yang berketurunan dari negeri Cina."

Tuan Yang di Pertua, janganlah kita lupa bahawa perhubungan diplomatik itu akan membawa faedah kepada seluruh rakyat dalam negara kita tanpa mengira kaum dan keturunan apa pun. Janganlah kita lupa bahawa kaum keturunan Cina dalam negara ini inginkan perhubungan diplomatik itu bukan untuk kepentingan mereka sendiri sahaja. Perhubungan mental jika ada lagi di antara kaum keturunan Cina di Malaysia dengan Republik rakyat Cina itu hanyalah satu perhubungan sentimental yang nipis. Jika ingin dapat dibuktikan bahawa kaum Malaysia keturunan Cina tahu akan makna taat-setia kepada Raja dan Negara, maka resmikanlah perhubungan diplomatik yang kerap diseru tetapi sedang ditangguhkan itu.

begun to lose future technicians, scientists, doctors and, who knows, perhaps one or two future champions of Bahasa Malaysia as well in the process. It is no good to say that it does not matter and that perhaps they would return after future graduation. For psychological reasons, they will not return. The gain is that of this neighbouring country; the loss is ours.

Tuan Yang di Pertua, saya merayu supaya suatu enquiry terbuka diadakan dengan cepat; enquiry tertutup tidak akan dipercayai. Ketiadaan enquiry langsung akan dianggap sebagai tanda kelemahan Kerajaan tentang keberaniannya menghadapi kebenaran. Enquiry ini adalah perlu di samping enquiry tentang kegagalan murid-murid dalam mata pelajaran sains.

Any *ad hoc* solution, any step of a temporary nature will not solve the problem, apart from an open enquiry. The same problem would rear its head to plague us in future, from year to year in different forms. Sir, in humility and sincerity, I urge it. The open enquiry must be held and held before the very next examination. There is very little time left. I would warn the Government, not quite in the same way as I would warn the Government if I were still in the Opposition, but nevertheless I would warn the Government that, according to the signs I see and according to the signs my colleagues in the M.C.A. see, this must be done. I would, Sir, warn my own Government, the Government to which I belong, the Government which my colleagues and I hope to help perpetuate—that unless this is done and done soon, this Government, Sir, of which the M.C.A. is a part this Government which

kepada ke bawah Duli kerana Titah Ucapan ke bawah Duli pada masa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Ketiga.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, knowing that it is in Malaysia's interest, the Honourable Prime Minister has wisely attempted to follow a policy of non-alignment and has campaigned actively for the neutralisation of South-East Asia. No one can argue against this policy. But while this may be so, it is fair to say that the implementation of this policy leaves much to be desired.

In reply to a question to my Honourable colleague for Bandar Melaka, the Honourable Prime Minister declared that there will be diplomatic ties with China but the timing will have to be considered. Mr Speaker, Sir, it would appear that the Government is dragging its feet on this matter and the reason is hard to comprehend. When most countries in the world have established ties, and are evidently benefitting materially from such relationships, the Government of Malaysia is still playing the fickle bride. The Government should stop playing the "to be or not to be game" and exchange diplomatic relationships as soon as possible—immediately in fact.

There are obvious benefits from these exchanges. There would be more dialogue leading to better understanding and friendships as a result of freer travel between the two countries and exchanges of missions *other than trade, medicine and sport* such as political groups including parliamentarians, journalists, writers and others. It is time that our observant writers and journalists went to China and wrote about her just as writers from China should write